



APPGM-SDG
MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMPAAN



PERSATUAN PROMOSI
MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI
PPM-023-14-07012020

Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen

2025

Zon Utara

P.076 Teluk Intan

Laporan Disediakan Oleh: Nurul Syaza binti Mazelan & Siti Noraiysah Rohim



Laporan Pemetaan Isu Parlimen P.076 Teluk Intan

Disediakan oleh:
Nurul Syaza Mazelan & Siti Noraiysah Rohim

KATA ALUAN I

KATA PENGANTAR III

PENGENALAN V

BAHAGIAN A

LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU 1 - 11

BAHAGIAN B

1.0 PENGENALAN 15 - 19

- 1.1 Geografi/Topografi 15
- 1.2 Komposisi Penduduk 16
- 1.3 Kegiatan Ekonomi Utama 16
- 1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan 18

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN 19- 23

- 2.1 Pendekatan Kajian 19
- 2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan 21
- 2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan 21
- 2.4 Keterbatasan Kajian 22


3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG 24 - 28

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU 29 - 64

- 4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu 29
- 4.2 Pengutamaan Isu 58

**5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK
PENYELESAIAN** 65 - 66

6.0 RUJUKAN 67



P.076 TELUK INTAN

KATA ALUAN

YBHG. TUAN RUSHDAN RUSMI
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Padang Besar (P.001)



Bismillahir-Rahmanir-Rahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, 'Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen' bagi jilid Zon Utara tahun 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Bagi pihak Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, saya ingin menyampaikan kata aluan ini sebagai tanda komitmen bersama dalam memperkukuh agenda pembangunan mampan di Malaysia. Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) adalah kerangka penting yang menjadi panduan kepada pembangunan yang seimbang merangkumi dimensi ekonomi, sosial, alam sekitar dan tadbir urus dilaksanakan di negara ini. Pelaksanaan APPGM-SDG telah membentuk pentas bagi komuniti akar umbi untuk menyuarakan cabaran, keperluan, serta aspirasi mereka agar ia dapat dijadikan asas dalam merangka dasar dan inisiatif pembangunan yang lebih berkesan. Zon Utara, kawasan Padang Besar sebagai contohnya, bukan sekadar titik geografi di pinggir sempadan tetapi mencerminkan realiti kompleks sempadan moden di mana cabaran keselamatan, ekonomi dan sosial terjalin rapat. Pendekatan holistik dan jangka panjang yang merangkumi aspek pembangunan, integrasi agensi dan pengurusan risiko merentas sempadan diperlukan bagi menjamin kesejahteraan masyarakat setempat.

Isu-isu yang dihadapi oleh masyarakat di kawasan Zon Utara menuntut perhatian segera dan penyelesaian yang menyeluruh. Justeru, laporan pemetaan isu yang diterbitkan pada tahun ini hadir sebagai satu dokumen penting yang menggabungkan suara rakyat dengan analisis data. Sebagai hasil kerjasama erat antara Ahli-ahli Parlimen, komuniti, pemimpin tempatan, agensi kerajaan dan pihak swasta, laporan ini tidak hanya mengenal pasti cabaran tetapi juga menawarkan cadangan tindakan yang berdaya tahan. Saya percaya ia akan menjadi rujukan utama dalam membina pembangunan yang lebih adil dan saksama.

Setulus penghargaan saya tujukan kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen dalam penyediaan laporan ini, termasuk Sekretariat APPGM-SDG, Ahli-ahli Parlimen, agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat akar umbi. Laporan ini bukan sahaja mencatatkan cabaran yang dihadapi, tetapi turut menampilkan cadangan penyelesaian yang praktikal untuk dilaksanakan. Semoga penerbitan ini menjadi titik tolak kepada usaha berterusan dalam membina kerjasama strategik antara pelbagai pihak, sekali gus memperkukuh asas pembangunan negara yang inklusif, seimbang dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

YB Rushdan Rusmi

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG

Ahli Parlimen Padang Besar

KATA PENGANTAR

JAMES RYAN RAJ

*Pemangku Timbalan Pengarah Eksekutif,
APPGM SDG*



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (APPGM-SDG) aktif sejak 2020 menggerakkan penyetempatan SDG di kawasan-kawasan Parlimen seluruh negara. Berteraskan pemetaan isu, APPGM-SDG melaksanakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan sasaran tempatan untuk mengenal pasti cabaran setempat dan mencadangkan penyelesaian melalui projek komuniti berasaskan SDG serta intervensi dasar yang bersesuaian. Dari 2020 hingga 2024, APPGM-SDG telah melaksanakan kerja lapangan di 115 kawasan Parlimen. Pada 2025, inisiatif ini diperluas ke 28 kawasan Parlimen baharu, membolehkan pasukan mendalami isu akar umbi dan menetapkan keutamaan tempatan. Lawatan tapak menyediakan gambaran menyeluruh mengenai realiti lapangan dan membantu mengenal pasti penyelesaian yang diperlukan.

Hasil gerak kerja tersebut, sebanyak 28 laporan pemetaan isu disediakan pada tahun 2025 dan dihipunkan dalam jilid "Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen". Kompilasi ini disusun mengikut zon/wilayah - Tengah, Utara, Selatan, Pantai Timur, Sabah dan Sarawak seperti diringkaskan dalam Jadual 1. Turut disertakan laporan bergambar yang merekodkan butiran lawatan tapak dan isu yang dikenal pasti. Di samping itu, laporan individu bagi setiap kawasan Parlimen turut disediakan untuk memudahkan rujukan Ahli Parlimen dan pihak berkepentingan.

Jadual 1. Pecahan kawasan Parlimen mengikut jilid

JILID	ZON/WILAYAH	JUMLAH KAWASAN PARLIMEN	PENYELIDIK
Jilid 1	Zon Utara	9	5
Jilid 2	Zon Pantai Timur	4	2
Jilid 3	Zon Tengah	3	3
Jilid 4	Zon Selatan	6	4
Jilid 5	Wilayah Sabah	4	2
Jilid 6	Wilayah Sarawak	2	2
JUMLAH KESELURUHAN		28	

Laporan ini menggunakan pendekatan kualitatif yang menangkap suara akar umbi termasuk lah emosi, keperluan dan keutamaan komuniti setempat. Walaupun transkrip penuh FGD belum disertakan, analisis situasi yang dibentangkan sudah memadai untuk menggambarkan realiti kehidupan komuniti di lapangan. Laporan lengkap, termasuk transkrip penuh, akan diterbitkan untuk rujukan Ahli Parlimen terlibat dan boleh diakses oleh orang awam atas permintaan bagi tujuan kajian lanjut.

Laporan-laporan ini akan menjadi asas perbincangan seterusnya di peringkat Parlimen serta bersama agensi dan kementerian berkaitan. Matlamat utama ialah merangka penyelesaian yang lebih komprehensif dan mendorong penambahbaikan dasar yang relevan bagi menangani isu-isu yang dikenal pasti.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat APPGM-SDG, dan pengarah-pengarah APPGM-SDG, semua Ahli Parlimen, agensi kerajaan, terutama pejabat daerah, dan pihak-pihak yang mempermudah dialog serta penyertaan dalam inisiatif APPGM-SDG pada tahun 2025. Ucapan tahniah khas ditujukan kepada Puan Nurul Syaza Mazelan dan Hirzawati Atikah Mohd Tahir selaku penyunting utama siri enam jilid ini atas dedikasi menyunting laporan-laporan yang disediakan oleh pasukan penyelidik APPGM-SDG. Terima kasih juga kepada para penyelidik iaitu Dr. Teo Lee Ken, Nurul Syaza Mazelan, Dr. Wan Suzita Wan Ibrahim, Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin, Dr. Thanaraj Murudi, Dr. Eva Kristin Larry Sait, Siti Noraiysah Rohim, Raine Melissa Riman, Nur Syadhira Mohd Razali, Nuha Mysara Mohd Hisam, Lydia Ann Anak Bill, Fatimah Binti Mohd Yasin, Tariq Ziad bin Abdul Razak dan Mc Jeanet Lempisik @ Marx serta pasukan Komunikasi Korporat APPGM-SDG, yang diketuai Zoel Ng, dan khususnya Hirzawati Atikah Mohd Tahir, Kezia Sim Kui Ting dan Arif Azhad Abdul Ghaffar serta Afiqah Abdul Malik dari Pejabat Ketua Sekretariat atas usaha kreatif dalam memastikan penerbitan bahan ini berjaya. Semoga usaha ini terus memperkukuh langkah kita dalam mencapai pembangunan lestari untuk seluruh rakyat Malaysia.

PENGENALAN

DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara, APPGM-SDG



Pada tahun 2025, APPGM-SDG memperkukuh gerak kerja pemetaan SDG dengan pendekatan yang berkesan, inklusif dan seragam merentas lokasi. Penegasan inti pada tahun ini adalah penambahbaikan proses pemetaan isu sebagai asas penyetempatan SDG, di samping penyeragaman kaedah catatan kajian dan pelaporan. Proses pemetaan isu kekal sebagai fasa awal yang kritikal dalam penyetempatan SDG oleh APPGM-SDG. Sebagai permulaan kepada kitaran intervensi, pemetaan perlu berfungsi sebagai penanda aras yang kukuh dengan proses libat urus yang cekap, telus dan inklusif bersama pihak berkepentingan. Justeru, APPGM-SDG memberi tumpuan kepada penglibatan menyeluruh dan mengarusperdanakan pandangan komuniti, agensi dan pemimpin tempatan agar perspektif yang pelbagai diambil kira secara serius. Kajian lapangan laporan pemetaan isu berperanan sebagai wahana utama untuk memaparkan analisis dapatan, keutamaan tindakan serta tahap penglibatan pihak berkepentingan di setiap kawasan dan tahap.

Bagi tahun 2025, APPGM-SDG telah melaksanakan gerak kerja pemetaan isu yang melibatkan 28 kawasan parlimen (Rajah 1) yang merangkumi beberapa kawasan di setiap zon dan wilayah, menjangkau Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Di setiap kawasan, kerjasama turut diperkukuh dengan agensi peringkat kerajaan tempatan termasuklah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) serta pihak berkuasa tempatan atau entiti setara yang berperanan sebagai penyelaras lapangan, pemudah cara mobilisasi komuniti dan rujukan data setempat (Jadual 1).



Rajah 1. 28 Kawasan Parlimen bagi Tahun 2025

Semasa di lapangan, pasukan penyelidik mengamalkan langkah etika yang ketat seperti persetujuan rakaman/visual, kerahsiaan. Namun beberapa cabaran mengiringi gerak kerja 2025. Antaranya adalah seperti kesukaran mendapatkan penyertaan seimbang merentas kelompok sasaran; kualiti audio tidak konsisten yang menuntut integrasi analitikal dengan nota lapangan; pertindihan perbualan semasa FGD yang memerlukan penyaringan teliti; serta kekangan logistik seperti jadual, tempat, fasiliti yang mempengaruhi jumlah sesi dan kejitian bukti. Walaubagaimanapun, cabaran-cabaran ini diimbangi dengan penetapan jadual semula, bantuan penghulu dan pihak pejabat daerah dan tanah untuk mobilisasi, pemetaan pihak berkepentingan yang lebih awal, serta kaedah catatan kajian berganda untuk mengekalkan integriti data.

Daripada segi kandungan, laporan ini dibentuk untuk memudahkan pembaca memahami setiap zon dan wilayah secara bertahap dan semakin mendalam. Bahagian 1 menghuraikan latar kawasan meliputi geografi, topografi, komposisi penduduk, aktiviti ekonomi, dan kaitannya dengan sasaran SDG relevan. Bahagian 2 menerangkan metodologi, langkah etika, kekangan lawatan dan keterbatasan kajian. Bahagian 3 merumuskan isu-isu rentas SDG, berpandukan tema-tema seperti pendidikan, kemahiran, pekerjaan, budaya/warisan, keselamatan jalan, pertanian, pengairan, konflik manusia-haiwan, akses bantuan kebajikan, dan infrastruktur asas. Bahagian 4 pula menghimpunkan gambaran keseluruhan pemetaan mengikut isu utama, penerangan isu, tindakan serta maklum balas daripada agensi-agensi berkaitan. Bahagian 5 menyenaraikan pengenalpastian awal projek penyelesaian jangka masa pendek sebagai langkah intervensi komuniti yang memberi impak tinggi, segera dan langsung, beserta

cadangan rakan pelaksana dan penjajaran SDG. Dengan susun atur sebegini, laporan pemetaan isu kawasan parlimen 2025 ini berfungsi sebagai dokumen rujukan tindakan bagi peralihan daripada pembawaan suara komuniti akar umbi kepada perancangan pelan tindakan dan seterusnya kepada program pelaksanaan yang realistik dan terukur.

Pemetaan Isu di Zon Utara

Zon Utara yang meliputi Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak mempunyai kekuatan geografi dan ekonomi yang pelbagai, termasuk sawah padi di Kedah dan Perlis, sektor perikanan di Kuala Kedah dan Lumut, pelancongan di Pulau Pinang serta pertanian dan kuari di Perak. Untuk tahun 2025, sebanyak sembilan (9) parlimen telah terpilih bagi pemetaan isu di zon utara, iaitu di Perak: Gopeng, Teluk Intan, Lumut, Larut, dan Padang Rengas; di Kedah: Padang Terap, Kuala Kedah, dan Kulim Bandar Baharu; serta di Pulau Pinang: Balik Pulau. Parlimen-parlimen ini memperlihatkan corak isu yang berulang, terutama dalam aspek sosial, ekonomi, infrastruktur asas, alam sekitar dan tadbir urus, yang perlu dianalisis secara kolektif untuk memahami pola pembangunan di zon ini.

Secara positif, zon utara mempunyai tenaga kerja belia yang besar, kepelbagaian sumber ekonomi, dan nilai komuniti yang masih kuat. Terdapat usaha aktif oleh komuniti setempat di Gopeng dan Balik Pulau untuk mengembangkan perusahaan kecil dan makanan tradisi, selain inisiatif pelancongan komuniti yang muncul di Larut dan Kuala Kedah. Potensi pengembangan sektor pelancongan juga tinggi, misalnya ekopelancongan di Lumut dan agro-pelancongan sawah padi di Kedah. Dari sudut tadbir urus, terdapat sokongan agensi di beberapa parlimen seperti Teluk Intan dan Kulim Bandar Baharu dalam memberi latihan dan bantuan asas kepada usahawan mikro.

Namun begitu, isu sosial seperti penagihan dadah yang ketara di Padang Terap, Lumut dan Larut mengancam masa depan belia, selain gejala judi dan lumba haram yang turut disebut di Kuala Kedah. Kos sara hidup tinggi dan peluang pekerjaan terhad menjadi aduan berulang di Teluk Intan, Gopeng, Balik Pulau dan Kulim Bandar Baharu, sehingga mendorong penghijrahan belia ke bandar besar. Infrastruktur asas yang lemah masalah bekalan air di Larut dan Kulim Bandar Baharu, ketiadaan lampu jalan di Kuala Kedah, jambatan rosak di Teluk Intan, serta kekurangan doktor pakar di Hospital Selama terus menjejaskan kesejahteraan masyarakat. Di samping itu, ancaman banjir berulang di Kuala Kedah dan Kulim Bandar Baharu, pencemaran sungai akibat kuari di Gopeng, serta hakisan tebing pesisir di Perak menimbulkan risiko jangka panjang kepada kelangsungan ekosistem dan ekonomi tempatan.

Keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan zon utara mempunyai potensi besar dari segi pertanian, pelancongan dan keusahawanan komuniti, tetapi masih berdepan cabaran struktural yang perlu ditangani secara bersepadu. Intervensi yang menggabungkan

pembangunan ekonomi mapan, penyelesaian isu sosial belia, peningkatan infrastruktur asas dan pengurusan alam sekitar yang lestari akan memperkukuh daya tahan komuniti, mengurangkan jurang bandar-luar bandar, serta menjadikan zon utara lebih inklusif dan seimbang dalam pembangunan.

Jadual 1. Senarai 28 Kawasan Parlimen Terlibat dengan Gerak Kerja APPGM-SDG bagi Tahun 2025

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
1	Tengah	Sabak Bernam	P092	YB Tuan Kalam bin Salan	PN-BERSATU	Pejabat Daerah & Tanah (PDT) Sabak Bernam	Nur Syadhira Mohd Razali
2	Tengah	Hulu Selangor	P094	YB Tuan Haji Mohd Hasnizan bin Harun	PN-PAS	PDT Hulu Selangor	Nuha Mysara Mohd Hisam
3	Tengah	Seputeh	P121	YB Puan Teresa Kok Suh Sim	PH-DAP	Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)	Nurul Syaza Mazelan
4	Utara	Padang Terap	P007	YB Tuan Nurul Amin bin Hamid	PN-PAS	PDT Padang Terap	Nurul Syaza Mazelan
5	Utara	Kuala Kedah	P010	YB Dr. Ahmad Fakhruddin	PN-PAS	PDT Kota Setar	Dr Thanaraj Murudi
6	Utara	Balik Pulau	P053	YB Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik	PH-PKR	PDT Barat Daya	Siti Noraiysah Rohim
7	Utara	Larut	P059	YB Dato' Seri Hamzah bin Zainudin	PN-BERSATU	PDT Selama	Dr Thanaraj Murudi
8	Utara	Kulim-Bandar Baharu	P018	YB Tuan Roslan bin Hashim	PN-BERSATU	PDT Kulim & PDT Bandar Baharu	Dr Thanaraj Murudi
9	Utara	Padang Rengas	P060	YB Kapten Azahari bin Hasan	PN-BERSATU	PDT Kuala Kangsar	Dr Teo Lee Ken
10	Utara	Gopeng	P064	YB Tuan Tan Kar Hing	PH-PKR	PDT Kampar	Lydia Ann Anak Bill

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
11	Utara	Lumut	P073	YB Komander (B) Nordin Bin Ahmad Ismail	PN-BERSATU	PDT Manjung	Dr Thanaraj Murudi
12	Utara	Teluk Intan	P076	YB Tuan Nga Kor Ming	PH-DAP	PDT Hilir Perak	Nurul Syaza Mazelan
13	Selatan	Jempol	P126	Dato' Haji Shamshulkahar Bin Haji Mohd Deli	BN-UMNO	PDT Jempol	Tariq Ziad bin Abdul Razak
14	Selatan	Jasin	P139	YB Tuan Zulkifli bin Ismail	PN-PAS	PDT Jasin	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
15	Selatan	Segamat	P140	YB Tuan Yuneswaran a/l Ramaraj	PH-PKR	PDT Segamat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
16	Selatan	Sri Gading	P149	YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan	PH-AMANAHAH	PDT Batu Pahat	Dr Teo Lee Ken
17	Selatan	Batu Pahat	P150	YB Tuan Haji Onn bin Abu Bakar	PH-PKR	PDT Batu Pahat	Dr Wan Suzita Wan Ibrahim
18	Selatan	Pulai	P161	YB Tuan Suhaizan bin Kaiat	PH-AMANAHAH	Pejabat Daerah Johor Bahru	Siti Noraiysah Rohim
19	Timur	Maran	P089	YB Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Abd. Muttalib	PN-PAS	PDT Maran	Siti Noraiysah Rohim
20	Timur	Kota Bharu	P020	YB Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan	PN-PAS	Pejabat Tanah & Jajahan (PTJ) Kota Bharu	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin

BIL.	ZON/ WILAYAH	PARLIMEN	KOD	AHLI PARLIMEN	PARTI	AGENSI-AGENSI BERKAITAN	KETUA PENYELIDIK APPGM-SDG
21	Timur	Pasir Puteh	P023	YB Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Salleh	PN-PAS	PTJ Pasir Puteh	Dr Siti Nur Ain Zakinuddin
22	Timur	Besut	P033	YB Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh	PN-PAS	PDT Besut	Siti Noraisyah Rohim
23	Sabah	Tuaran	P170	YB Datuk Seri Panglima Madius bin Tangau	PH-UPKO	Pejabat Daerah Tuaran	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
24	Sabah	Putatan	P173	YB Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya	BN-UMNO	Pejabat Daerah Putatan	Mc Jeanet Lempisik @ Marx
25	Sabah	Semporna	P189	YB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie bin Apdal	WARISAN	Pejabat Daerah Semporna	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
26	Sabah	Labuan	P166	Dato' Indera Dr. Suhaili Abdul Rahman	BEBAS	Perbadanan Labuan (Labuan Corporation)	Puan Fatimah Binti Mohd Yasin
27	Sarawak	Stampin	P196	YB Tuan Chong Chieng Jen	PH-DAP	Majlis Perbandaran Padawan (MPP) & Majlis Perbandaran Kuching Selatan (MBKS)	Raine Melissa Riman
28	Sarawak	Lubok Antu	P203	YB Tuan Roy Angau anak Gingkoi	GPS-PRS	Pejabat Daerah Lubok Antu	Raine Melissa Riman

SEKALUNG PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan Kompilasi Laporan Pemetaan Isu Kawasan Parlimen 2025. Terima kasih kepada ketua penyelidik setiap kawasan Parlimen, pasukan penyunting, dan pegawai-pegawai Jabatan Penyelaras Kawasan Parlimen yang telah bertungkus-lumus memastikan laporan ini terhasil dengan jayanya. Penghargaan khusus juga kepada Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG, Ketua Sekretariat dan, pengarah-pengarah APPGM-SDG, jaringan pakar rujuk, serta semua Ahli Parlimen dan agensi kerajaan yang memberikan kerjasama dan input sepanjang gerak kerja pemetaan isu ini.

Berdasarkan usaha kolektif ini, APPGM-SDG komited untuk meneruskan perjalanan penyetempatan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dengan langkah strategik. Antara langkah lanjut lanjutan daripada pemetaan isu ini adalah bengkel pembangunan kapasiti bersama agensi kerajaan dan pihak berkepentingan yang diadakan dilaksanakan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran terkini berhubung pelaksanaan SDG di peringkat akar umbi. Hasil bengkel ini juga dikongsikan melalui penerbitan buku Bengkel Pembangunan Kapasiti: Merangka Langkah ke Arah Masa Depan Mampan 2025. Selain itu, antara tiga atau empat projek mikro SDG akan dilaksanakan di setiap kawasan Parlimen dengan peruntukan RM120,000, berdasarkan keperluan setempat yang dikenal pasti melalui kajian pemetaan isu.

APPGM-SDG juga akan memperkukuhkan penglibatan dengan kerajaan negeri dan persekutuan untuk merangka dasar dan polisi program yang inklusif melalui pendekatan usahasama pelbagai pihak berkepentingan. Penubuhan Jawatankuasa SDG Intervensi Dasar bersama pejabat-pejabat daerah terpilih akan terus memacu penyelesaian jangka panjang yang memberi impak bertransformasi dan mampan. Kami menyeru kerjasama berterusan dalam memastikan pelaksanaan yang efektif berkesan dan terukur.

Dengan pendekatan yang sistematik dan berasaskan data, laporan ini bukan sahaja sebagai rujukan, tetapi juga panduan praktikal untuk pembangunan komuniti yang mampanterhadapan. Bersama-sama, marilah kita memastikan tiada sesiapa ketinggalan dalam usaha membina masa depan yang lebih inklusif sejahtera, makmur dan lestari mampan untuk semua rakyat Malaysia.

BAHAGIAN A

Laporan Lawatan Pemetaan Isu

P. 076 Teluk Intan

DENGAN SOKONGAN DARIPADA

AHLI PARLIMEN TELUK INTAN, YB TUAN NGA KOR MING



TEMPAT-TEMPAT YANG TELAH DILAWATI

30 Mei - 01 Jun 2025
(Jumaat - Ahad)

HARI 1

1. FGD 1 : Komuniti Pengusaha Pelancongan Pulau Bangau
2. FGD 2 : Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan
3. Lawatan Tapak 1: Pulau Bangau, Teluk Intan
4. Lawatan Tapak 2: Sekitar Kampung Suli
5. FGD 3 : Penduduk Kg. Sungai Suli

HARI 3

9. FGD 6 : Komuniti Nelayan Darat
10. Lawatan Tapak 4: Menyelusuri Sungai Bidor

HARI 2

6. FGD 4 : Komuniti Belia
7. Lawatan Tapak 3: Perusahaan Ikan Sangkar
8. FGD 5: Penduduk Ladang Ulu Bernam

11. FGD 7 : Penduduk/JPKK Changkat Jong (Mangsa Banjir)
12. Lawatan Tapak 5: Lokasi Pelan Rancangan Kampung Tersusun

PASUKAN PENYELIDIK



DR. TEO LEE KEN
Ketua Penyelidik 1



NURUL SYAZA
Ketua Penyelidik 2



DR. THANARAJ MURUDI
Ketua Zon Utara



**PROF. DATUK DR.
DENISON JAYASOORIA**



JAMES RYAN RAJ



DR. TEO SUE ANN



**PANIIRSELVAM
JAYARAMAN**



SITI NORAIYSAH



**SANTHRADEVI
MUNUSAMY**

LAWATAN PEMETAAN KAWASAN TELAH DIJALANKAN PADA 30 MEI – 01 JUN 2025 (JUMAAT – AHAD)





05 MAC 2025 - MESYUARAT AWALAN

Mesyuarat awalan telah dijalankan di Pejabat APPGM-SDG, Petaling Jaya, membincangkan kerjasama dalam gerak kerja APPGM-SDG bagi Parlimen Teluk Intan. Turut hadir dalam mesyuarat ini adalah En. Koh Setiausaha Politik - DUN Pasir Bedamar, Nurul Syaza, dan Dr. Teo Lee Ken.

En. Koh menyatakan persetujuan untuk bekerjasama dalam kajian ini. Sesi pemprofilan akan datang ditetapkan untuk perbincangan lanjut.



22 MEI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN 1

Nurul Syaza dan Ain Safwanah telah menghadiri mesyuarat awalan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Jurutera bagi membincangkan persediaan pemetaan isu di Parlimen Teluk Intan (PDT Hilir Perak). Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada penetapan tentatif dan penyelarasan perjalanan program yang akan berlangsung dari 30 Mei hingga 1 Jun 2025.



22 MEI 2025 - MESYUARAT PRA-LAWATAN 2 (MAJLIS PERBANDARAN TELUK INTAN)

Nurul Syaza dan Ain Safwanah telah berjumpa dengan Pengarah Jabatan Perancang MPTI, En. Azrin, bagi membincangkan persiapan program pemetaan isu di Parlimen Teluk Intan yang dijadualkan berlangsung pada 30 Mei hingga 1 Jun 2025. Perbincangan menumpukan kepada isu pemeliharaan bangunan warisan Teluk Intan serta potensi pelancongan di Pulau Bangau. Pihak MPTI bersetuju untuk bekerjasama menganjurkan sesi Libat Urus (FGD) bersama pengusaha pelancongan Pulau Bangau dan pemilik bangunan warisan pada 30 Mei nanti.



FGD 1 : KOMUNITI PENGUSAHA PELANCONGAN PULAU BANGAU

FGD1 telah diadakan bersama para Pengusaha Pelancongan Pulau Bangau. Seramai 8 orang peserta telah menyertai sesi ini termasuklah pihak Majlis Perbandaran Teluk Intan. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kesan projek RTB kepada ekonomi dan perniagaan pengusaha river cruise; **(2)** tarikan pelancongan yang tidak konsisten; dan **(3)** kurang proses atau hubungan libat urus dengan komuniti tempatan, termasuk pengusaha *river cruise*, peruncit, peniaga dan pemilik perniagaan.



FGD 2 : PEMILIK BANGUNAN LAMA TELUK INTAN

FGD2 bersama Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan. Seramai 18 orang peserta telah menyertai sesi ini. Sesi ini telah dipengerusikan oleh YDP Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI), En. Zairul Akmal bin Kasim. Turut hadir Pengarah dan pegawai-pegawai dari MPTI. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** ketiadaan dana untuk pemeliharaan dan pemuliharaan bangunan warisan balai polis lama; **(2)** sistem perparitan yang tidak sistematik dan sesuai dengan keadaan semasa; dan **(3)** kesesakan lalu lintas disebabkan oleh aktiviti perniagaan dan perayaan di kawasan sekitar.



LAWATAN TAPAK 1: PULAU BANGAU, TELUK INTAN

Satu lawatan tapak ke Pulau Bangau, Teluk Intan telah diadakan. Pulau ini mempunyai potensi sebagai tarikan pelancongan yang unik, dengan keindahan biodiversiti yang masih belum dikenali secara meluas. Namun begitu, terdapat keperluan yang mendesak daripada pihak pengusaha bagi memastikan pembangunan yang lestari dapat dijalankan dengan lebih teratur. Selain itu, kajian ilmiah yang mendalam terhadap habitat Pulau Bangau dan kawasan sekelilingnya masih kurang dilakukan, menyebabkan potensi biodiversiti di kawasan ini belum dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk tujuan pemuliharaan dan pembangunan pelancongan yang mampan.



LAWATAN TAPAK 2: SEKITAR KAMPUNG SULI

Para penyelidik dibawa melawat ke Kampung Sungai Suli untuk melihat keadaan setempat berkaitan dengan keadaan banjir. Para penyelidik dimaklumkan bahawa ban yang disediakan oleh pihak berkuasa tidak sesuai dan tidak dapat menampung atau menangani masalah banjir di kawasan tersebut. Selain itu, terdapat keperluan untuk menambah kunci air bagi memastikan aliran air dapat bergerak dengan lancar dan keluar dari kawasan kampung bagi mengelakkan banjir berulang.



FGD 3 : PENDUDUK KG SUNGAI SULI

FGD 3 telah berlangsung bersama para penduduk Kg Sungai Suli. Seramai 9 orang peserta telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kejadian banjir yang disebabkan oleh infrastruktur yang tidak mencukupi dan terancang; **(2)** kurangnya penyelenggaraan terhadap sistem perparitan, saluran dan juga kemudahan seperti jambatan; **(3)** kurangnya sokongan terhadap aktiviti ekonomi setempat seperti galakan aktiviti pekebun kecil; dan **(4)** pengurangan pelajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina di kawasan Kampung Sungai Suli.




FGD 4 : KOMUNITI BELIA

FGD 4 telah berlangsung bersama para belia yang aktif dalam aktiviti melibatkan komuniti. Seramai 7 orang peserta dan Penghulu Mukim Durian Sebatang telah menyertai sesi ini. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** peluang pekerjaan yang terhad; **(2)** kekurangan tanah untuk menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan; dan **(3)** kos pemilikan dan sewa rumah yang tinggi.



LAWATAN TAPAK 3: PERUSAHAAN IKAN SANGKAR

Para penyelidik telah dibawa melawat ke kawasan perusahaan ikan sangkar di perairan Sungai Perak. Menurut pengusaha, aktiviti penternakan ini memerlukan kos yang tinggi serta modal permulaan yang besar. Antara kekangan utama yang dihadapi adalah kualiti makanan ikan tempatan yang masih rendah, menyebabkan pengusaha terpaksa mendapatkan bekalan makanan ikan dari luar negara. Keadaan ini telah meningkatkan kos operasi dan memberi tekanan kepada kelangsungan perusahaan ikan sangkar di kawasan tersebut.



FGD 5: PENDUDUK LADANG ULU BERNAM

FGD 5 telah diadakan bersama penduduk Ladang Ulu Bernam dengan kehadiran seramai 8 orang peserta daripada pelbagai kaum dan peringkat umur. Beberapa isu utama yang dikenal pasti termasuklah: **(1)** ketiadaan kemudahan pengangkutan awam yang berpatutan bagi memudahkan pergerakan keluar dari kawasan ladang; **(2)** keadaan infrastruktur seperti jalan dan pencahayaan jalan yang masih tidak memuaskan; dan **(3)** ketiadaan sokongan sosial dan kebajikan untuk warga emas yang tidak lagi mampu bekerja di ladang.



FGD 6 : KOMUNITI NELAYAN DARAT

FGD 6 bersama para nelayan darat di Kampung Bahagia. Seramai 18 orang peserta dan Penghulu turut hadir. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** kesukaran mendapatkan lesen nelayan darat; **(2)** pencemaran sungai berpunca daripada pembuangan sisa daripada kilang; **(3)** penurunan populasi udang galah di Sungai Bidor; dan **(4)** pendapatan nelayan darat yang tidak menentu.



LAWATAN TAPAK 4: MENYELUSURI SUNGAI BIDOR

Para penyelidik dibawa menyusuri Sungai Bidor yang menempatkan pelbagai spesies ikan air tawar dan udang galah sebagai tarikan utama.



FGD 7 : PENDUDUK/JPKK CHANGKAT JONG (MANGSA BANJIR)

FGD 7 telah berlangsung bersama penduduk-penduduk yang seringkali berhadapan dengan banjir. Seramai 19 orang peserta termasuk Penghulu telah hadir. Antara isu yang telah dikenal pasti adalah: **(1)** ketidakpastian status pemilikan tanah dan ketiadaan geran sah; **(2)** banjir dan keperluan penyelenggaraan sungai; dan **(3)** kesukaran akses kepada bantuan kerajaan untuk pembangunan projek pertanian setempat.



LAWATAN TAPAK 5: LOKASI PELAN RANCANGAN KAMPUNG TERSUSUN

Para penyelidik telah dibawa melawat ke lokasi Pelan Rancangan Kampung Tersusun sejak tahun 1988 yang pada asalnya dirancang untuk menjadi penempatan lengkap bagi penduduk asal. Namun, projek ini gagal dilaksanakan sepenuhnya. Akibatnya, kawasan tersebut kini terbiar, sebahagian besar telah diberikan kepada pihak luar, manakala penduduk asal masih tidak memiliki geran atau akses kepada kemudahan asas yang dijanjikan. Lebih membimbangkan, kawasan ini kini turut dijadikan lokasi "pertanian haram".

BAHAGIAN B

Laporan Pemetaan Isu

P. 076 Teluk Intan

Senarai Jadual

Jadual 1	Komposisi Penduduk di Parlimen Teluk Intan
Jadual 2	Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Teluk Intan
Jadual 3	Rangkuman Isu Rentas SDG
Jadual 4	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1
Jadual 5	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2
Jadual 6	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3
Jadual 7	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4
Jadual 8	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5
Jadual 9	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6
Jadual 10	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7
Jadual 11	Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8
Jadual 12	Ringkasan Isu 1
Jadual 13	Ringkasan Isu 2
Jadual 14	Ringkasan Isu 3
Jadual 15	Pengenalpastian Projek Penyelesaian

Senarai Singkatan

APPGM-SDG	<i>All-Party Parliamentary Group Malaysia - Sustainable Development Goals</i>
DAP	Parti Tindakan Demokratik (<i>Democratic Action Party</i>)
FGD	Perbincangan Kumpulan Berfokus (<i>Focus Group Discussion</i>)
IR4.0	Revolusi Perindustrian 4.0 (<i>Industrial Revolution 4.0</i>)
LAP	Lembaga Air Perak
MPTI	Majlis Perbandaran Teluk Intan
NCER	Koridor Ekonomi Wilayah Utara (<i>Northern Corridor Economic Region</i>)
PH	Pakatan Harapan
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
RTB	Rancangan Tebatan Banjir
SDG	Matlamat Pembangunan Lestari (<i>Sustainable Development Goals</i>)
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (<i>Science, Technology, Engineering and Mathematics</i>)
TKPM	Taman Kekal Pengeluaran Makanan
WCE	Lebuhraya Pantai Barat (<i>West Coast Expressway</i>)

1.0 PENGENALAN

Parlimen Teluk Intan terletak di negeri Perak, Malaysia, merangkumi kawasan di bawah Daerah Hilir Perak dan Daerah Bagan Datuk. Keluasan kawasan Parlimen ini adalah kira-kira 1,300 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 128,888 orang berdasarkan data Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020.¹ Jumlah populasi yang layak mengundi adalah kira-kira 82,340 orang berdasarkan data pilihan raya terkini. Parlimen Teluk Intan mempunyai kepadatan penduduk 99 orang per satu kilometer persegi.

Pada tahun 2022, YB Tuan Nga Kor Ming daripada parti Parti Tindakan Demokratik atau *Democratic Action Party* (DAP),

iaitu komponen parti dalam gabungan Pakatan Harapan (PH) telah memenangi kerusi bagi Parlimen Teluk Intan.² Beliau kini berkhidmat sebagai Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Program pemetaan isu bagi tahun 2025 di Parlimen Teluk Intan ini diadakan dengan usahasama daripada YB Tuan Nga Kor Ming.



YB Tuan Nga Kor Ming

1.1 Geografi/Topografi

Parlimen Teluk Intan merangkumi kawasan daerah Hilir Perak dan sebahagian daerah Bagan Datuk, negeri Perak. Maka, pentadbiran di peringkat tempatan umumnya adalah di bawah kuasa Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak, Pejabat Daerah dan Tanah Bagan Datuk. Kawasan Parlimen Teluk Intan bersempadan dengan Parlimen Bagan Datuk, Tanjong Malim, Pasir Salak dan Sabak Bernam. Parlimen Teluk Intan merangkumi mukim utama seperti Durian Sebatang, Changkat Jong, Sungai Manik, Labu Kubong dan Sungai Durian, serta sebahagian Hutan Melintang.

Kawasan Parlimen ini dikelilingi oleh Sungai Perak dan Sungai Bidor, dengan topografi yang rata dan subur, sesuai untuk pertanian, serta terletak dalam radius 60 km ke Bandaraya Ipoh, 50 km ke sempadan negeri Selangor dan 120 km ke Bandaraya Kuala Lumpur. Kedudukannya yang berhampiran dengan bandar utama seperti Ipoh, Manjung dan Tanjong Malim, serta dihubungkan melalui Lebuh raya Pantai Barat (WCE), meningkatkan potensi pembangunan. Manakala, di kawasan Parlimen Teluk Intan, ia merangkumi sekitar 21 buah kampung utama, termasuk kampung-kampung di sekitar bandar Teluk Intan.

¹ Jabatan Perangkaan Malaysia, "P.076 Teluk Intan Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.076%20Teluk%20Intan>.

² Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia, "MySPR Semak," mysprsemak.spr.gov.my, accessed September 2025, <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>

1.2 Komposisi Penduduk

Komposisi penduduk di dalam kawasan Parlimen Teluk Intan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual berikut. Jumlah penduduk keseluruhan adalah 103,065 orang. Komposisi mengikut etnik mencatatkan peratusan tertinggi bagi komuniti Melayu sebanyak 49.9 peratus diikuti dengan komuniti Cina dengan 32.6 peratus, India dengan 16.9 peratus dan komuniti lain dengan 0.6 peratus.

Jadual 1: Komposisi Penduduk Kawasan Parlimen Teluk Intan

BIL.	KAUM	BIL.	% BIL.
1.	Bumiputera	51,429	49.9
2.	Cina	33,197	32.6
3.	India	17,419	16.9
4.	Lain-lain	620	0.6
JUMLAH KESELURUHAN		103,065	100.00

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia³

Kesimpulannya, Teluk Intan adalah kawasan luar bandar dengan jumlah tertinggi penduduk terdiri daripada Bumiputera, khususnya Melayu, dengan bilangan kecil komuniti Cina, India, dan lain-lain. Komposisi ini mempengaruhi aktiviti ekonomi yang berfokus kepada pertanian dan keperluan infrastruktur asas.

1.3 Kegiatan Ekonomi Utama

Berdasarkan dokumen kajian pemetaan isu 2025 dan pemerhatian di tapak, sektor ekonomi utama di kawasan ini adalah seperti berikut:

- **Pertanian**

Pertanian merupakan aktiviti ekonomi utama di Parlimen Teluk Intan, dengan keluasan pertanian mendominasi 79.06 peratus daripada keseluruhan daerah Hilir Perak. Antara tanaman utama adalah kelapa sawit dan padi, dengan zon tanaman makanan kekal seperti jelapang padi di mukim Sungai Manik. Kawasan ini dikekalkan untuk pembangunan pertanian optimum, termasuk komponen agromakanan seperti kulinari, jagung bijian, durian, kelapa dan tenusu. Projek seperti Pembangunan Zon Integrasi Agrokomoditi dan Agromakanan, Perluasan Kawasan Jelapang Padi, serta Perluasan Kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Degong menggalakkan penglibatan agropreneur muda dan pertanian pintar. Jumlah ternakan di daerah Hilir Perak menyumbang sebahagian

³ Jabatan Perangkaan Malaysia, "P.076 Teluk Intan Kawasanku | OpenDOSM," Dosm.gov.my (OpenDOSM, 2020), <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.076%20Teluk%20Intan>.

daripada keseluruhan ternakan di negeri Perak, dengan fokus kepada akuakultur dan perikanan.

- **Perindustrian**

Berdasarkan zon guna tanah dalam Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)⁴, kawasan Parlimen Teluk Intan juga menumpukan kepada pembangunan sektor perindustrian, dengan cadangan perluasan zon industri seluas 2,020 hektar. Fokus utama adalah industri berteknologi tinggi berasaskan pertanian, seperti kluster biotek dan organik, serta hiliran berasaskan minyak kelapa sawit dan penapisan minyak. Projek impak tinggi seperti Taman Perindustrian dan Sains Makanan Nova Scottia menjadi pemangkin, dengan potensi pelaburan di sekitar WCE. Selain itu, terdapat pelaburan seperti terminal kargo pukal yang bernilai RM10.1 juta, yang dijangka mewujudkan 36 peluang pekerjaan. Kawasan ini juga memanfaatkan teknologi *Industrial Revolution 4.0* dalam sektor agromakanan dan komoditi.

- **Pelancongan**

Pelancongan adalah sektor berpotensi, dengan fokus kepada ekowarisan, alam semula jadi dan budaya. Tarikan utama termasuk Menara Condong Teluk Intan, persisiran Sungai Perak, Pulau Bangau, serta pakej pelancongan seperti ekopelancongan dan kelip-kelip. Cadangan pembangunan pesisir Sungai Perak seluas 9,249.32 hektar dan pembangunan Bandar Teluk Intan seluas 8,896.43 hektar menekankan pembangunan produk pelancongan baharu, pemeliharaan aset warisan dan integrasi pelancongan-perikanan sungai. Bandar Teluk Intan sebagai *Tourism Belt* bersama Bagan Datuk, dengan projek seperti Pembangunan Semula Sungai Perak dan Ring Road Teluk Intan untuk meningkatkan aksesibiliti dan ekonomi tempatan.

Ekonomi Parlimen Teluk Intan didorong oleh sektor pertanian yang mendominasi (79% guna tanah, termasuk kelapa sawit dan padi sebagai zon makanan kekal), diikuti industri berteknologi tinggi berasaskan agro (seperti biotek dan hiliran minyak sawit dengan perluasan zon industri kepada 2,020 hektar), serta pelancongan ekowarisan (fokus pada Sungai Perak, Pulau Bangau, dan bandar Teluk Intan sebagai *Tourism Belt*). Projek seperti Taman Perindustrian *Nova Scottia* dan pembangunan sekitar WCE dijangka meningkatkan pertumbuhan, dengan sektor perkhidmatan kewangan dan desa turut menyumbang.

⁴ Majlis Perbandaran Teluk Intan, *Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035 (Penggantian)*, ed. PLANMalaysia and PLANMalaysia Perak, vol. 1 (PLANMalaysia, 2021).

1.4 Hubungan Kerangka Konseptual SDG dan Konteks Tempatan

Parlimen Teluk Intan, yang terletak di negeri Perak, merupakan kawasan luar bandar yang bergantung kepada sektor pertanian, khususnya padi, kelapa sawit, dan agromakanan, serta industri berteknologi tinggi berasaskan agro seperti kluster biotek dan hiliran minyak sawit. Aktiviti ekonomi seperti penanaman padi di jelapang Sungai Manik dan pembangunan taman perindustrian di Nova Scottia menyumbang kepada peluang pekerjaan penduduk tempatan. Di samping itu, kedudukan strategik daerah Hilir Perak sebagai pusat makanan utama di bawah Rancangan Pembangunan Strategik *Northern Corridor Economic Region (NCER) 2021-2025*, memberikan kelebihan dalam meningkatkan produktiviti dan pelaburan lestari, termasuk melalui teknologi IR4.0 dan kluster agropreneur muda. Hal ini selari dengan **Matlamat SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi**, dengan sasaran berikut:

Sasaran 8.2: Mencapai tahap produktiviti ekonomi yang lebih tinggi melalui mempelbagaian, penaiktarafan dan inovasi teknologi, termasuk melalui tumpuan pada sektor nilai tambah tinggi dan sektor intensif buruh.

Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar berorientasikan pembangunan yang menyokong aktiviti produktif, pewujudan pekerjaan yang baik, keusahawanan, kreativiti dan inovasi, serta menggalakkan pemformalan dan pertumbuhan perusahaan mikro, kecil dan sederhana, termasuk melalui akses kepada perkhidmatan kewangan.

Kelebihan infrastruktur dan aksesibiliti Teluk Intan, termasuk kedudukannya yang strategik 60 km dari Ipoh dan dihubungkan oleh Lebuhraya Pantai Barat (WCE), menyokong pembangunan mampan melalui peningkatan mobiliti dan pelaburan. Projek seperti Ring Road Teluk Intan dan terminal kargo pukal yang bernilai RM10.1 juta berpotensi mewujudkan 36 peluang pekerjaan, memperkukuh perhubungan bandar dan desa, selari dengan usaha untuk membina komuniti mampan dan berdaya tahan. Ini menyokong **Matlamat SDG 11: Bandar Lestari dan Komuniti**, dengan sasaran berikut:

Sasaran 11.2: Menjelang 2030, menyediakan akses kepada sistem pengangkutan yang selamat, mampu milik, mudah diakses dan mampan untuk semua, meningkatkan keselamatan jalan raya, dengan perhatian khusus kepada keperluan mereka yang terpinggir.

Sasaran 11.3: Menjelang 2030, meningkatkan perancangan dan pengurusan mampan bandar-rural, melaksanakan polisi dan perancangan holistik untuk komuniti, budaya dan ekologi tempatan, menumpukan pada penglibatan komuniti, pembangunan ekonomi dan pengurusan tanah.

Potensi pelancongan di Sungai Perak dan Pulau Bangau, sebuah kawasan sungai yang dikelilingi oleh hutan hijau dan pemandangan semula jadi, menawarkan peluang untuk memajukan ekonomi tempatan melalui aktiviti ekopelancongan seperti pelancongan bot, perkhemahan, dan pemerhatian burung. Pembangunan pelancongan mampan di kawasan ini dapat menyokong pendapatan penduduk tempatan sambil memelihara alam sekitar, terutama melalui Pelan Tindakan Bandar Hijau (*Green City Action Plans*) yang meliputi Teluk Intan untuk mengurangkan karbon dan meningkatkan kelestarian bandar, serta inisiatif seperti pemasangan 1,766 sistem pengumpulan air hujan di Lagenda Teluk Intan pada 2024. Inisiatif seperti pembinaan kemudahan pelancongan mesra alam, promosi budaya tempatan, dan pelan pelancongan berasaskan komuniti boleh meningkatkan tarikan pelancong sambil memastikan kelestarian sumber semula jadi. Ini selari dengan **Matlamat SDG 15: Kehidupan di Daratan**, dengan sasaran berikut:

Sasaran 15.1: Menjelang 2030, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar daratan serta perkhidmatan ekosistemnya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung dan kawasan kering, selari dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.

Sasaran 15.9: Menjelang 2030, menyepadukan nilai ekosistem dan biodiversiti ke dalam perancangan nasional dan tempatan, proses pembangunan, pengurangan kemiskinan dan strategi serta akaun.

2.0 METODOLOGI PENYELIDIKAN

2.1 Pendekatan Kajian

Kajian awalan dijalankan untuk memahami latar belakang kawasan Parlimen Teluk Intan dan mengenal pasti isu utama melalui data sekunder seperti statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035, serta carian internet dan keratan akhbar berkaitan isu sosioekonomi dan alam sekitar. Pendekatan ini bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang kawasan Parlimen Teluk Intan dan mengenal pasti isu-isu awalan yang perlu diberikan perhatian.

Pada 5 Mac 2025, mesyuarat awalan telah diadakan di Pejabat APPGM-SDG, Petaling Jaya, bagi membincangkan kerjasama dalam gerak kerja APPGM-SDG bagi Parlimen Teluk Intan. Mesyuarat ini dihadiri oleh En. Koh, Setiausaha Politik DUN Pasir Bedamar, Nurul Syaza, dan Dr. Teo Lee Ken, dengan tumpuan kepada penyelarasan gerak kerja dan metodologi kajian pemetaan isu.

Pada 20 Februari 2025, kunjung hormat dan perbincangan diadakan dengan Pegawai Daerah Hilir Perak, yang bersetuju untuk menjayakan kajian ini. Pada 22 Mei 2025, Nurul

Syaza dan Ain Safwanah menghadiri mesyuarat awalan bersama Ketua Penolong Pegawai Daerah, Penolong Pegawai Daerah, dan Pegawai Jurutera di Pejabat Daerah Hilir Perak untuk membincangkan persediaan pemetaan isu. Mesyuarat ini menumpukan kepada penetapan tentatif dan penyelarasan perjalanan program yang dijadualkan berlangsung dari 30 Mei hingga 1 Jun 2025.

Selain itu, Nurul Syaza dan Ain Safwanah telah berjumpa dengan Pengarah Jabatan Perancang Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI), En. Azrin, untuk membincangkan persiapan program pemetaan isu. Perbincangan menjurus kepada isu pemeliharaan bangunan warisan Teluk Intan serta potensi pelancongan di Pulau Bangau. Pihak MPTI bersetuju untuk menganjurkan sesi Libat Urus (FGD) bersama pengusaha pelancongan Pulau Bangau dan pemilik bangunan warisan pada 30 Mei 2025.

Lawatan tapak ke Parlimen Teluk Intan dijalankan pada 30 Mei hingga 1 Jun 2025, melibatkan lapan sesi *Focus Group Discussion* (FGD) dan tiga lawatan tapak bersama komuniti seperti nelayan, usahawan pelancongan, dan sekitar kampung. Pasukan kajian yang telah turun ke lawatan tapak Parlimen Teluk Intan terdiri daripada:

1. Prof. Datuk Dr. Denison : Ketua Sekretariat
2. James Ryan Raj : Pengarah Jabatan Ketua Sekretariat Parlimen
3. Dr. Teo Sue Ann : Pengarah Jabatan Advokasi Parlimen
4. Dr Teo Lee Ken : Pengarah Jabatan Penyelarasan Parlimen
5. Paniirselvam Jayaraman : Pengarah Jabatan Solusi Dasar
6. Thanaraj Murudi : Ketua Zon Utara
7. Siti Noraiysah Rohim : Pembantu Penyelidik
8. Santhradevi : Pembantu Penyelidik

Selain itu, pada 1 Julai 2025, satu FGD tambahan telah diadakan bersama warga pendidik dan pelajar SJK(T) Ulu Bernam 2. FGD tambahan ini diadakan berasingan adalah kerana pihak sekolah memohon perjumpaan diadakan pada hari persekolahan umum untuk memantau secara langsung keadaan semasa sekolah tersebut. Maka, kumpulan penyelidik daripada APPGM-SDG merangkumi Nurul Syaza, Santhradevi dan Syadhira telah turun semula ke Parlimen Teluk Intan untuk berjumpa wakil dari SJK(T) Ulu Bernam 2.

Sesi dialog antara agensi telah diadakan pada 4 September 2025 dengan kerjasama daripada Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Hilir Perak, Puan Mufidah binti Mahfodz. Seramai 19 orang wakil agensi telah hadir dan memberikan maklum balas bagi dapatan kajian pemetaan isu Parlimen Teluk Intan. Antara isu utama yang dibincangkan adalah isu banjir, infrastruktur semasa

dan status pemilikan tanah Kg Glouster. Tentatif ringkas lawatan tapak dan sesi dialog bersama komuniti dan agensi tempatan adalah seperti di Jadual di bawah:

Jadual 2. Tentatif Ringkas Lawatan Tapak Parlimen Teluk Intan

TARIKH	PERKARA
30 Mei 2025 , Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog 1: Dialog bersama Pengusaha Pelancongan Pulau Bangau & Lawatan Tapak • Sesi Dialog 2: Dialog bersama Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan • Sesi Dialog 3: Dialog bersama Penduduk Kg. Sungai Suli • Lawatan Tapak 1: Sekitar Kg. Sungai Suli
31 Mei 2025 , Sabtu	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog 4: Dialog bersama Belia • Lawatan Tapak 2: Penternak Sangkar Ikan • Sesi Dialog 5: Dialog bersama Penduduk Ladang Ulu Bernam
1 Jun 2025 , Ahad	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog 6: Dialog bersama Komuniti Nelayan • Sesi Dialog 7: Dialog bersama Penduduk/JPKK Batu 4, 5, 6, 7 Changkat Jong
1 Julai 2025 , Selasa	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog 8: Dialog bersama warga pendidik dan pelajar SJK(T) Ulu Bernam 2
4 September 2025 , Khamis	<ul style="list-style-type: none"> • Sesi Dialog Antara Agensi

2.2 Langkah Etika Semasa Kajian Lapangan

Ketua penyelidik mendapatkan persetujuan daripada peserta terlebih dahulu untuk merekodkan suara dan diambil video dan gambar. Sekiranya, peserta FGD tidak bersetuju apa yang dikatakan untuk direkod dan melarang mengambil gambarnya, maka penyelidikan ini tidak boleh mengambil kira perkara tersebut untuk dilaporkan dan dikongsikan di mana-mana platform. Namun begitu, bagi kajian pemetaan isu di Parlimen Teluk Intan, tiada apa-apa halangan daripada pihak peserta.

2.3 Kekangan Lawatan Kajian Lapangan

Terdapat beberapa cabaran dan halangan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang kajian dijalankan di Parlimen Teluk Intan. Antara cabaran yang dihadapi oleh penyelidik adalah seperti berikut:

- **Pertukaran ketua penyelidik bagi lawatan kajian lapangan**

Ketua penyelidik bagi Parlimen Teluk Intan asalnya dipertanggungjawabkan kepada Puan Nurul Syaza, namun terpaksa ditukar kepada Dr. Teo Lee Ken sebagai ketua di lapangan kerana keadaan kesihatan anak Nurul Syaza yang tidak baik dan memerlukan perhatian khusus. Walaupun begitu, Nurul Syaza dan Dr.

Teo Lee Ken telah bekerjasama dalam pengurusan hal berkaitan kajian lapangan bermula daripada penyediaan tentatif lawatan tapak sehingga pengenalpastian projek mikro SDG.

Namun, bagi penyediaan laporan, Puan Nurul Syaza bertanggungjawab untuk menyiapkan laporan penuh pemetaan isu bagi Parlimen Teluk Intan. Hal ini memberi cabaran kepada Puan Nurul Syaza yang tiada semasa lawatan tapak dijalankan kerana kurang mendapat gambaran sebenar keadaan yang berlaku di tapak. Maka, pelaporan ini disediakan berdasarkan penglibatan Puan Nurul Syaza dalam proses persediaan pemetaan isu ini dan juga maklumat yang telah dikumpul oleh Dr Teo Lee Ken dan pasukan kajian lapangan yang lain semasa lawatan tapak dijalankan seperti audio rakaman, nota, gambar dan video. Selain itu, Puan Nurul Syaza juga telah mengambil inisiatif untuk merujuk Dr Teo Lee Ken dan pasukan kajian lapangan tentang perincian situasi yang berlaku di tapak sekiranya perlu.

- **Pertukaran tentatif dan pengaturan pasukan kajian di saat akhir**

Tentatif asal kajian lapangan ini hanya memfokuskan lapan FGD. Namun begitu, hanya tujuh FGD yang dapat dilaksanakan semasa pasukan kajian turun ke tapak pada 30 Mei hingga 1 Jun. Maka, Dr Teo Lee Ken telah mengambil inisiatif dengan mengadakan beberapa lawatan tapak ke beberapa kawasan yang mempunyai isu sepertimana dinyatakan dalam sesi FGD dijalankan.

Selain itu, Nurul Syaza dan pasukan kajian tetap meneruskan perancangan untuk mengadakan FGD kelapan bersama warga SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 pada 1 Julai 2025. Maka, terdapat juga perubahan ahli pasukan kajian ke lapangan antara 30 Mei hingga 1 Jun dan pada 1 Julai 2025 memandangkan pasukan kajian terlibat mempunyai program lain. Namun begitu, jumlah minimum pasukan kajian seramai 3 atau 4 orang masih dikekalkan.

2.4 Keterbatasan Kajian

Berdasarkan metodologi semasa bagi kajian pemetaan isu ini, lawatan tapak adalah terhad kepada empat hari sahaja. Maka, jumlah kumpulan sasaran yang utama dapat disasarkan adalah sekurang-kurangnya lapan kumpulan sasaran. Bagi Parlimen Teluk Intan, kajian pemetaan isu ini telah berjumpa sebanyak lapan kumpulan sasaran utama bersama wakil komuniti disasarkan. Kumpulan sasaran yang terpilih ini adalah berdasarkan perbincangan awal bersama wakil Parlimen Teluk Intan, Encik Koh dan pihak Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak yang memfokuskan kepada kumpulan komuniti paling terjejas.

Selain itu, tempoh masa yang terhad untuk sesi FGD bersama komuniti yang hanya berlangsung antara 40 minit hingga satu jam menghadkan perkongsian dan perbincangan yang lebih mendalam. Tempoh masa perbincangan semasa Dialog Bersama Agensi yang terhad juga membatasi maklum balas yang diterima untuk menjawab semua isu komuniti yang dikumpulkan. Maka, terdapat beberapa isu yang tiada maklum balas daripada agensi. Justeru itu, hasil kajian adalah terbatas kepada maklumat yang diperolehi dalam tempoh masa pendek ini.

3.0 RANGKUMAN ISU RENTAS SDG

Berikut adalah lima isu utama yang dikenal pasti sebagai keutamaan di Parlimen Teluk Intan, berdasarkan impaknya terhadap kesejahteraan penduduk dan kaitannya dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG):

Jadual 3. Rangkuman Isu Rentas SDG

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
1.	Ketidakpastian status tanah dan penempatan	Penduduk di kawasan seperti Kg. Sungai tinggal di tanah rizab sungai tanpa geran, menghadapi ketidaktentuan pemilikan. Permohonan TOL ditolak, dan tanah diberikan kepada pihak lain tanpa ketelusan. Projek Kampung Tersusun terbengkalai, meninggalkan penduduk tanpa hak milik.	Sosial, Tadbir, Urus	Penduduk Kg. Sungai, penerima geran	Kg. Glouster	<p>SDG 6: Air Bersih dan Sanitasi Sasaran 6.3: Menjelang 2030, meningkatkan kualiti air dengan mengurangkan pencemaran, menghapuskan pembuangan dan meminimumkan pelepasan bahan kimia dan bahan berbahaya, mengurangkan separuh kadar air kumbahan tidak terawat serta meningkatkan dengan ketara kadar kitar semula dan penggunaan semula yang selamat di seluruh dunia.</p> <p>SDG 15: Kehidupan Darat Sasaran 15.1: Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan lestari ekosistem air tawar</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						daratan dan pedalaman termasuk perkhidmatannya, khususnya hutan, tanah bencah, gunung-ganang dan tanah kering, sejajar dengan obligasi di bawah perjanjian antarabangsa.
2.	Pencemaran Sungai Perak	Pencemaran oleh kilang-kilang menyebabkan kematian hidupan akuatik, menjejaskan pendapatan nelayan dan ekopelancongan. Aduan penduduk tidak ditangani dengan berkesan oleh agensi.	Alam Sekitar, Ekonomi	Nelayan, usahawan pelancongan	Sungai Perak, Batak Rabik, Durian Sebatang	<p>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.1: Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.
3.	Kesan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)	Projek RTB mengancam pendapatan usahawan pelancongan dan nelayan kerana pemindahan tanpa pampasan atau alternatif. Ketiadaan jeti selamat dan gangguan akses ke sungai menjejaskan operasi.	Ekonomi, Sosial	Usahawan pelancongan, nelayan	Pulau Bangau, Sungai Perak	<p>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.9: Menjelang 2030, menggubal dan melaksanakan dasar untuk menggalakkan pelancongan mampan yang mewujudkan peluang pekerjaan serta mengetengahkan budaya dan produk tempatan.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.1: Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
4.	Kekurangan peluang ekonomi belia	Belia berhijrah ke bandar kerana pekerjaan terhadap kepada pertanian dan kilang. Kos tinggi dan kekurangan modal menyukarkan usahawan muda. Program bantuan pertanian gagal kerana tiada pasaran tetap.	Ekonomi, Sosial	Belia, usahawan muda	Kampung Bahagia, Langkap, Batak Rabik	<p>SDG 8: Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan jumlah belia menganggur, tiada pendidikan atau tiada latihan.</p> <p>SDG 4: Pendidikan Berkualiti Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan sebilangan besar golongan belia dan dewasa yang memiliki kemahiran yang relevan, termasuk kemahiran teknikal dan vokasional, untuk penggajian, pekerjaan yang baik dan keusahawanan.</p>
5.	Kekurangan infrastruktur asas dan kelemahan struktur infrastruktur semasa	Ketiadaan feri, bas, lampu jalan, dan jalan berturap di Ulu Bernam Estate menyukarkan akses dan meningkatkan risiko keselamatan. Saliran lemah menyebabkan banjir kilat di pekan dan kampung.	Sosial, Tadbir Urus	Penduduk, komuniti Orang Asli	Ulu Bernam Estate, Kg. Sungai Erong, pekan Teluk Intan	<p>SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur yang berkualiti, andal, mampan dan berdaya tahan, termasuk infrastruktur serantau dan rentas sempadan,</p>

BIL.	ISU UTAMA	PENERANGAN	DIMENSI	KUMPULAN SASARAN	KAWASAN SASARAN	SDG YANG BERKAITAN
						<p>untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia dengan tumpuan pada akses yang saksama serta mampu milik untuk semua.</p> <p>SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan Sasaran 11.1: Menjelang 2030, memastikan akses kepada perumahan dan perkhidmatan asas yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua, serta menaik taraf kawasan sesak.</p>

4.0 GAMBARAN KESELURUHAN PEMETAAN ISU

4.1 Perincian Hasil Dapatan Isu-isu

Jadual 4. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 1

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 1: Dialog Bersama Usahawan Pelancongan Tarikh: 30 Mei 2025 Lokasi: Jeti Pokok Assam Pembahagian kumpulan: : 1 kumpulan Jumlah peserta keseluruhan: 6 peserta			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak Persatuan Pelancongan Teluk Intan
1.	Ancaman projek RTB terhadap aktiviti ekopelancongan	<p>Usahawan pelancongan di Teluk Intan berdepan risiko kehilangan sumber pendapatan susulan pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Projek ini memerlukan mereka berpindah dari lokasi sedia ada, namun sehingga kini tiada penyelesaian jangka panjang yang jelas disediakan.</p> <p>Kebanyakan pengusaha beroperasi di atas tanah milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) melalui surat kebenaran sementara, bukan pajakan atau TOL. Perpindahan ini dijangka meningkatkan kos operasi, mewujudkan lokasi baharu yang kurang strategik kepada pelancong, serta memberi kesan</p>	Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Pelaksanaan RTB Fasa 2 dijangka memberi kesan kepada kawasan pelancongan seperti Pulau Bangau. Agensi menekankan keperluan libat urus awal dengan pengusaha untuk merancang pemindahan dan pembinaan jeti baharu. Mesyuarat dengan agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan diadakan untuk merangka langkah mitigasi.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>langsung terhadap aktiviti pelancongan di kawasan tersebut.</p>	
2.	Kekurangan kemudahan pelancongan	<p>Teluk Intan pada masa ini hanya mempunyai sebuah hotel bertaraf tiga bintang, dengan kekurangan kemudahan penginapan dan kemudahan pelancongan yang berkualiti tinggi. Keadaan ini tidak mampu memenuhi jangkaan pelancong dari Singapura dan luar negara yang menitikberatkan aspek kebersihan, mutu perkhidmatan pelanggan serta tahap keselesaan yang tinggi.</p> <p>Kekangan ini secara tidak langsung menghadkan potensi Teluk Intan untuk berkembang sebagai destinasi pelancongan utama, meskipun bandar ini memiliki lebih daripada 30 tapak bersejarah yang bernilai warisan.</p>	<p>Persatuan Pelancongan Teluk Intan: Kemudahan hotel di Teluk Intan mencukupi kecuali pada musim perayaan, tetapi kadar penginapan rendah kerana kekurangan promosi pelancongan. Pelancong hanya singgah sebentar sebelum ke destinasi lain.</p>
3.	Ketiadaan pampasan dan perancangan alternatif untuk pengusaha terjejas RTB	<p>Para pengusaha tidak menerima sebarang pampasan memandangkan perniagaan dijalankan di atas tanah milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) tanpa perjanjian pajakan yang sah. Walaupun projek ini telah diumumkan lebih lima tahun lalu, perancangan pemindahan dan penetapan lokasi alternatif masih belum dimuktamadkan.</p>	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Pengusaha pelancongan yang terkesan oleh RTB Fasa 2 perlu dilibatkan dalam sesi dialog awal untuk merancang pemindahan dan pembinaan infrastruktur alternatif seperti jeti baharu. Mesyuarat dengan agensi berkaitan akan diadakan bagi tujuan ini.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Selain itu, akses kepada Pegawai Daerah (DO) dilaporkan sukar, dan tiada sesi dialog yang konsisten diadakan antara agensi pelaksana dengan para pengusaha. Notis pengosongan pula diterima dalam tempoh singkat, iaitu hanya 14 hari, disertai ancaman penalti yang tinggi. Hal ini menambah tekanan kepada pengusaha kecil yang terjejas.</p> <p>Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) telah menjejaskan operasi bot pelancongan apabila tiada jeti selamat atau infrastruktur sokongan disediakan sepanjang tempoh peralihan. Keadaan ini menimbulkan risiko keselamatan kepada pelancong serta mengurangkan keyakinan terhadap daya tarikan dan reputasi destinasi pelancongan tersebut.</p>	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Projek infrastruktur seperti saliran dan RTB memerlukan penyeliaan yang lebih rapi untuk memastikan keberkesanan. Agensi mengambil maklum kekecewaan penduduk terhadap pelaksanaan projek dan akan meneliti isu ini.</p>
4.	Ancaman projek RTB terhadap kelangsungan hidup nelayan sungai	Pelaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dijangka menjejaskan sumber pendapatan nelayan sungai yang bergantung kepada hasil tangkapan harian. Pembinaan ban dan struktur tebing akan menghadkan akses mereka ke sungai, sekali gus menjejaskan aktiviti penangkapan ikan. Keadaan ini mengancam kelangsungan ekonomi harian komuniti nelayan tersebut, sedangkan tiada pelan mitigasi yang jelas telah dibentangkan bagi menangani kesan terhadap golongan berkenaan.	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Pelaksanaan RTB Fasa 2 dijangka memberi kesan kepada kawasan pelancongan seperti Pulau Bangau. Agensi menekankan keperluan libat urus awal dengan pengusaha untuk merancang pemindahan dan pembinaan jeti baharu. Mesyuarat dengan agensi seperti Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan diadakan untuk merangka langkah mitigasi.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
5.	Kelemahan proses libat urus antara agensi dan pengusaha	<p>Para pengusaha berdepan kesukaran untuk mengadakan sesi dialog bersama Pegawai Daerah (DO) dan agensi pelaksana. Sebahagian besar maklumat hanya diperolehi melalui sesi Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan di Ipoh.</p> <p>Ketiadaan proses libat urus yang terancang menyebabkan pandangan serta maklum balas pengusaha tidak diambil kira secara menyeluruh dalam perancangan pembangunan yang dilaksanakan.</p>	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:</p> <p>Kekurangan sesi libat urus menyebabkan ketidakjelasan mengenai hala tuju projek seperti RTB. Agensi merancang mesyuarat dengan pihak berkaitan, termasuk JPS, untuk menjelaskan pelan tindakan dan memastikan komunikasi yang lebih baik dengan komuniti.</p>
6.	Penyelarasan dan promosi pelancongan Teluk Intan masih lemah	<p>Persatuan Pelancongan Teluk Intan mempunyai lebih daripada 80 ahli, namun usaha untuk mempromosi serta menyusun produk pelancongan secara bersepadu masih lemah. Potensi besar dalam segmen pelancongan sejarah, makanan tradisional dan ekopelancongan belum dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan kekangan dari segi dana, strategi pemasaran serta penyelarasan antara pemain industri.</p>	<p>Persatuan Pelancongan Teluk Intan:</p> <p>Cadangan termasuk mempromosikan warisan tempatan dan pelancongan luar bandar, serta mempertimbangkan pemulihan stesen kereta api. Jawatankuasa pelancongan perlu ditubuhkan untuk menyelaraskan usaha ini.</p>

Jadual 5. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 2

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<p>FGD 2: Dialog bersama Pemilik Bangunan Lama Teluk Intan Tarikh: 30 Mei 2025 Lokasi: MPTI Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan: 3 kumpulan / 21 peserta</p>			<p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak 2. Persatuan Pelancongan Teluk Intan
1.	<p>Gangguan perniagaan akibat penutupan jalan utama ketika perayaan</p>	<p>Perayaan keagamaan seperti Chitra Pournami menyebabkan penutupan jalan utama di pusat bandar Teluk Intan selama hampir seminggu. Penutupan ini menjejaskan akses ke premis perniagaan sekitar, mengakibatkan pemilik dan penyewa bangunan warisan mengalami kerugian pendapatan apabila pelanggan tidak dapat berkunjung. Keadaan turut diburukkan oleh pemasangan khemah besar yang menutup pintu masuk ke premis.</p> <p>Meskipun masyarakat setempat tidak menolak penganjuran perayaan tersebut, mereka berharap tempohnya dapat dipendekkan kepada maksimum dua hingga tiga hari bagi mengurangkan kesan terhadap aktiviti ekonomi tempatan.</p>	<p><i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i></p>
2.	<p>Kelemahan penyeliaan projek saluran dan tebatan banjir</p>	<p>Projek pembinaan longkang baharu di kawasan pusat bandar dilaksanakan tanpa perancangan menyeluruh dan dengan tahap penyeliaan yang lemah. Reka bentuk longkang baharu yang lebih cetek berbanding sistem lama peninggalan era British menyebabkan air</p>	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Fasa 1 RTB hanya menangani limpahan air sungai, tetapi tidak limpahan air hujan di pekan Teluk Intan. Agensi sedang menyelaraskan usaha dengan Jabatan Pengairan dan Saliran</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>hujan mudah melimpah masuk ke premis perniagaan dan kediaman berdekatan.</p> <p>Walaupun struktur baharu ini kelihatan lebih kemas dari segi luaran, ia gagal menampung kapasiti air hujan yang tinggi, sehingga mengakibatkan kejadian banjir kilat berlaku satu hingga dua kali setiap bulan, meskipun hujan lebat hanya berlangsung selama 30 minit.</p> <p>Fasa pertama RTB yang telah dilaksanakan hanya menyelesaikan isu limpahan air sungai tetapi tidak mengambil kira limpahan air hujan dari pekan Teluk Intan. Pekan kini sepenuhnya berturap konkrit dan kekurangan kawasan serapan semula jadi seperti pokok dan tanah lapang. Kekurangan pintu air aktif dan sistem perparitan yang cetek memburukkan keadaan.</p>	<p>(JPS) untuk menangani isu ini secara menyeluruh.</p> <p>Projek infrastruktur seperti saliran dan RTB memerlukan penyeliaan yang lebih rapi untuk memastikan keberkesanan. Agensi mengambil maklum kekecewaan penduduk terhadap pelaksanaan projek dan akan meneliti isu ini.</p>
5.	Kerumitan proses kelulusan menjejaskan usaha pemuliharaan bangunan warisan	Bangunan warisan yang dimiliki oleh individu atau persatuan memerlukan kebenaran khas sebelum sebarang kerja pembaikan dapat dijalankan. Namun, proses kelulusan yang rumit serta kesukaran memperoleh bantuan atau peruntukan kewangan menyebabkan banyak pemilik berdepan halangan untuk melaksanakan kerja-kerja pemuliharaan.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Keadaan ini mengakibatkan struktur lama semakin uzur, khususnya selepas mengalami kerosakan akibat kejadian banjir kilat.	
6.	Pertindihan bidang kuasa untuk penyelenggaraan bangunan warisan	Bidang kuasa dan tanggungjawab yang berbeza menyebabkan kekeliruan untuk menjalankan inisiatif penyelenggaraan dan penambahbaikan bangunan lama / warisan	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
7.	Ketidakseimbangan persaingan antara penjaja jalanan dan peniaga tetap	Walaupun pihak berkuasa tempatan telah menyediakan tapak medan selera rasmi di kawasan sekitar Menara Condong, penjaja jalanan masih dibenarkan beroperasi di bahu jalan berdekatan. Situasi ini menimbulkan ketidakseimbangan persaingan, kerana pelanggan cenderung membeli terus dari kenderaan tanpa perlu turun (gaya pandu lalu). Penjaja tersebut memiliki lesen sementara yang dikeluarkan oleh majlis, namun kehadiran mereka menjejaskan operasi peniaga tetap yang membayar cukai serta sewa premis secara sah.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
8.	Kekurangan infrastruktur dan bantuan sokongan aktiviti pelancongan	Infrastruktur sokongan pelancongan masih kurang disediakan terutamanya di kawasan Bandar Teluk Intan seperti tiada tandas awam di sekitar Menara Condong dan papan tanda pelancongan untuk rujukan.	Persatuan Pelancongan Teluk Intan: Cadangan termasuk mempromosikan warisan tempatan dan pelancongan luar bandar, serta mempertimbangkan pemulihan stesen kereta

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>Tiada papan tanda dan maklumat pelancongan diletakkan di kawasan tarikan pelancongan Teluk Intan untuk rujukan pelancong. Sebagai contoh, tiada pejabat urusan khusus dan paparan info menarik untuk Pulau Bangau yang merupakan tarikan utama di Teluk Intan.</p>	<p>api. Jawatankuasa pelancongan perlu ditubuhkan untuk menyelaraskan usaha ini.</p>
		<p>Promosi pelancongan Teluk Intan masih kurang mendapat perhatian daripada pihak berkepentingan. Program Visit Perak juga dilihat kurang memberi impak yang signifikan kepada sektor pelancongan di kawasan ini. Malah, dilaporkan bahawa Teluk Intan tidak disenaraikan dalam peta pelancongan rasmi negeri, sekali gus menjejaskan potensi bandar ini untuk menarik lebih ramai pelancong.</p> <p>Selain itu, ketiadaan pelan pembangunan pelancongan bersepadu juga menjadi halangan untuk sektor ini maju. Akibatnya, kebanyakan pengusaha menjalankan aktiviti pelancongan secara silo tanpa penyelarasan dengan mana-mana pihak yang lain.</p>	<p><i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i></p>
		<p>Pengusaha pelancongan berdepan kesukaran untuk mendapatkan lesen operasi kerana perlu menghadiri pelbagai kursus yang melibatkan kos tinggi. Ramai dalam kalangan mereka tidak berkemampuan untuk</p>	<p><i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i></p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		<p>menampung yuran dan komitmen masa yang diperlukan bagi melengkapkan kursus-kursus tersebut.</p> <p>Selain itu, keperluan untuk mendapatkan lesen bot turut menambah beban kos kepada pengusaha, sekali gus mengekang perkembangan sektor pelancongan tempatan.</p>	
9.	Masalah kebersihan dan kutipan sampah	<p>Masalah pengurusan sisa pepejal menjadi aduan utama semasa penganjuran pesta (<i>karnival</i>) di Teluk Intan. Tong sampah yang disediakan tidak mencukupi dan jadual kutipan tidak konsisten, menyebabkan longgokan sampah berlaku di kawasan awam. Keadaan ini turut menyebabkan bau busuk dan mencacatkan pemandangan sekitar, sekali gus menjejaskan imej pelancongan bandar.</p>	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>

Jadual 6. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 3

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 3: Dialog bersama Penduduk Kg Sungai Suli			Agensi yang memberikan maklum balas:
Tarikh: 30 Mei 2025			1. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
Lokasi: SJK(C) Chung Hwa			2. Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan
Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan: 1 kumpulan / 9 peserta			3. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)
1.	Kapasiti empangan dan pintu air tidak mencukupi hadapi limpahan Sungai Perak	<p>Banjir berlaku setiap tiga hingga empat tahun di Kampung Sungai Suli akibat fenomena pasang surut Sungai Perak. Kejadian banjir terbaharu pada tahun lalu merupakan yang terburuk apabila empangan milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) gagal menahan paras air, menyebabkan limpahan besar ke kawasan kampung.</p> <p>Walaupun penduduk telah mengambil inisiatif membina empangan tambahan dengan ketinggian lebih tinggi di tebing sungai, kawasan tersebut masih memerlukan pembinaan pintu air baharu kerana struktur sedia ada telah rosak.</p>	Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Faktor geografi Hilir Perak menyebabkan limpahan air dari Hulu Perak, menjadikan banjir isu utama. Projek RTB dilaksanakan secara berfasa dengan kos melebihi RM50 juta; Fasa 1 menangani sebahagian isu, manakala Fasa 2 sedang dirancang.
2.	Infrastruktur jambatan tidak selamat	Jambatan tunggal yang menghubungkan Kg. Sungai Suli ke pekan berdekatan telah tenggelam akibat banjir, menjadikannya tidak selamat untuk kenderaan berat.	Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Infrastruktur seperti jambatan di Kampung Sungai Suli yang tidak selamat dan ketiadaan lampu jalan di Ladang Ulu Bernam meningkatkan risiko kemalangan. Pihak berkuasa tidak dapat menaik

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			<p>taraf infrastruktur ini kerana jalan berada di atas tanah milik persendirian atau ladang. Penyelesaian memerlukan penyerahan sebahagian tanah kepada kerajaan untuk tujuan awam.</p>
3.	<p>Transformasi ekonomi pertanian dan cabaran generasi muda luar bandar</p>	<p>Sebahagian besar penduduk bergantung kepada sektor pertanian sebagai sumber rezeki utama, bermula daripada dusun buah-buahan seperti oren mandarin dan koko, kemudian beralih kepada ladang getah dan kini kelapa sawit. Namun, peningkatan kos pengeluaran kelapa sawit menyebabkan penduduk mula mempertimbangkan tanaman alternatif yang lebih menguntungkan.</p> <p>Dalam masa yang sama, kekurangan peluang pekerjaan di kawasan ini yang hanya berfokus kepada pertanian turut mendorong ramai belia berhijrah ke luar daerah untuk mencari pendapatan yang lebih stabil.</p>	<p>Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan:</p> <p>Penghijrahan belia di kawasan terpencil seperti Kampung Sungai Suli dan Kampung Glouster berlaku akibat kekurangan peluang pekerjaan profesional. Walau bagaimanapun, isu ini tidak meliputi keseluruhan Parlimen Teluk Intan, kerana kawasan bandar seperti Taman Lagenda mungkin menunjukkan pola berbeza. Agensi mencadangkan pemetaan isu mengikut lokaliti untuk memastikan penanganan yang lebih tepat dan berkesan.</p>
4.	<p>Kekangan infrastruktur sekolah dan akses terhad</p>	<p>Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Chung Hwa kini mempunyai 50 orang pelajar, dengan 80% daripadanya berasal dari luar Kampung Sungai Suli, serta dibantu oleh 11 orang guru.</p>	<p>Pejabat Pendidikan Daerah (PPD):</p> <p>Dakwaan infrastruktur sekolah tidak memadai disangkal oleh PPD. Contohnya, SJK(C) Chung Hwa mempunyai kemudahan dewan besar, kelas kosong, dan hanya 40 pelajar. Penyelenggaraan</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Pengerusi PIBG mencadangkan supaya jalan menuju ke sekolah dilebarkan sekurang-kurangnya kepada 4.5 meter bagi memudahkan akses keluar masuk ibu bapa dan memastikan keselamatan murid. Namun, usaha menaik taraf infrastruktur sekolah masih bergantung sepenuhnya kepada sumbangan PIBG dan penduduk setempat, tanpa sokongan yang signifikan daripada agensi berkaitan.	dijalankan berdasarkan laporan kerosakan, dengan peruntukan diberikan mengikut keperluan.

Jadual 7. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 4

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 4: Dialog bersama Belia Tarikh: 31 Mei 2025 Lokasi: Kampung Bahagia Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan: 1 kumpulan / 10 peserta			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan 2. KPDN 3. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
1.	Peluang pekerjaan terhad untuk belia tempatan	Ramai belia Teluk Intan berhijrah ke negeri lain seperti Selangor dan Kuala Lumpur kerana kekurangan peluang pekerjaan di kawasan sendiri, khususnya dalam sektor profesional. Kebanyakan pekerjaan di Teluk Intan terhad kepada pertanian, perikanan dan industri kilang sebagai operator biasa. Walaupun ramai graduan dalam bidang sains dan profesional, kekosongan pekerjaan yang sesuai amat terhad, menyebabkan mereka tidak kembali ke kampung halaman.	Wakil Pejabat Parlimen Teluk Intan: Kekurangan peluang pekerjaan di sektor pertanian dan perikanan menyebabkan penghijrahan belia dan peningkatan kebergantungan kepada pekerja asing di Ladang Ulu Bernam. Agensi mencadangkan pemetaan potensi ekonomi setempat, seperti aktiviti sukan bendang, untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu.
2.	Kos sara hidup tinggi dan beban kenderaan untuk usahawan muda	Kenaikan kos bahan api, khususnya diesel, memberi kesan ketara kepada golongan belia yang menjalankan perniagaan sendiri seperti pertanian, penternakan dan perusahaan kecil. Kebanyakan mereka menggunakan kenderaan pacuan empat roda (4x4) bagi tujuan perniagaan dan kegunaan keluarga. Namun, peningkatan kos bahan api dan penyelenggaraan menambah beban kewangan,	KPDN: Kenaikan harga diesel memberi kesan kepada perniagaan kecil, terutamanya yang menggunakan kenderaan 4x4 untuk pertanian. Sebagai barang kawalan, diesel boleh dibeli melalui permit khas (20 liter sehari untuk operasi kecil) atau daripada pemborong berlesen untuk operasi besar. Tiada subsidi khusus untuk pertanian besar. Kenaikan

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		terutamanya kerana mereka tidak berkemampuan untuk memiliki dua kenderaan berasingan bagi urusan kerja dan peribadi.	kos mungkin berpunca daripada pembelian daripada sumber tidak berlesen.
3.	Belia kekurangan modal dan aset untuk ceburi sektor pertanian/penternakan	Walaupun sektor pertanian dan penternakan merupakan pilihan pekerjaan utama di Teluk Intan, kebanyakan belia tidak mampu menyertainya kerana tiada modal, tanah atau sokongan dari keluarga. Kegiatan ini kebanyakannya diwarisi. Cadangan diberikan agar kerajaan menyediakan tanah komuniti (contoh: padang ragut) untuk digunakan secara kolektif oleh belia melalui projek komuniti, bagi memulakan aktiviti pertanian atau penternakan secara sistematik.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
4.	Sistem saliran tidak berkesan punca banjir kilat di kawasan perumahan	Sistem saliran sedia ada tidak mencukupi untuk menampung jumlah air hujan yang tinggi, menyebabkan berlakunya takungan air dan banjir kilat di kawasan perumahan. Longkang yang kecil dan cetek tidak mampu mengalirkan air dengan cekap ke parit utama. Situasi ini menjejaskan kesejahteraan penduduk dan memerlukan tindakan penambahbaikan segera bagi mengelakkan kejadian berulang.	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:</p> <p>Fasa 1 RTB hanya menangani limpahan air sungai, tetapi tidak limpahan air hujan di pekan Teluk Intan. Agensi sedang menyelaraskan usaha dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk menangani isu ini secara menyeluruh.</p> <p>Projek infrastruktur seperti saliran dan RTB memerlukan penyeliaan yang lebih rapi untuk memastikan keberkesanan. Agensi mengambil</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			maklum kekecewaan penduduk terhadap pelaksanaan projek dan akan meneliti isu ini.
5.	Program bantuan pertanian yang kurang berkesan	Bantuan pertanian seperti ternakan lembu, penanaman cendawan dan projek kecil-kecilan telah diberikan kepada golongan belia, namun banyak inisiatif tersebut gagal mencapai matlamat. Kegagalan ini berpunca daripada ketiadaan pasaran tetap, kurangnya pemantauan berterusan serta kelemahan dalam semangat berpasukan dalam kalangan peserta projek komuniti. Selain itu, tiada sistem pemantauan prestasi yang tersusun untuk menilai keberkesanan program secara berterusan.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
6.	Ketiadaan penyediaan zon ternakan khusus menyekat peluang ekonomi belia	Tiada kawasan padang ragut atau zon ternakan khusus disediakan di Teluk Intan, menjadikan usaha belia untuk menceburi bidang penternakan skala kecil sukar dilaksanakan. Keadaan ini berbeza dengan kawasan lain seperti Kuala Kangsar dan beberapa negeri di utara, yang mempunyai padang ragut komuniti bagi menyokong pelaksanaan projek penternakan secara bersama dan lebih tersusun.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Akses terhadap kepada maklumat tanah dan program ekonomi menyebabkan peluang tidak dimanfaatkan	Maklumat berkaitan peluang penggunaan tanah kosong, pajakan tanah TOL, serta program bantuan ekonomi seperti Inisiatif Pendapatan Rakyat (IPR) sukar diakses oleh golongan belia. Walaupun terdapat banyak tanah tidak dituntut yang berpotensi untuk dimajukan, tiada mekanisme pemetaan atau sistem pengurusan data yang jelas bagi mengenal pasti dan memanfaatkan sumber tersebut untuk pembangunan komuniti setempat.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
8.	Kekurangan program pembangunan kemahiran belia	Program pembangunan belia, khususnya dalam aspek pendidikan kemahiran, keusahawanan dan pembangunan sosial, masih kurang dilaksanakan di kawasan luar bandar seperti Teluk Intan. Aktiviti berbentuk ilmiah, sahsiah dan pembangunan kerjaya juga jarang dianjurkan, menyebabkan golongan belia kurang terdedah kepada peluang peningkatan diri. Kekurangan kemahiran asas ini menyukarkan mereka untuk bersaing dan memasuki sektor pekerjaan yang menawarkan pendapatan lebih tinggi.	Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Kekurangan program kemahiran dan keusahawanan berpunca daripada rendahnya literasi digital dalam kalangan komuniti. Agensi mencadangkan penglibatan Pegawai Belia dan Sukan Daerah serta Majlis Belia untuk merancang program pembangunan.

Jadual 8. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 5

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 5: Dialog bersama Penduduk Ladang Ulu Bernam Tarikh: 31 Mei 2025 Lokasi: Ladang Ulu Bernam Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan: 3 kumpulan / anggaran 10 peserta			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> 1. Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan 2. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak
1.	Ketiadaan perkhidmatan feri dan bas menyukarkan mobiliti penduduk	Sejak pandemik COVID-19, perkhidmatan feri dan bas yang sebelum ini memudahkan penduduk untuk ke bandar atau negeri jiran seperti Selangor telah dihentikan. Keadaan ini menyukarkan penduduk untuk membeli keperluan, mendapatkan perkhidmatan luar, atau menghadiri urusan penting. Walaupun feri hanya mengambil masa kira-kira 5 minit, perjalanan melalui jalan darat kini memakan masa 15 hingga 30 minit dan kurang selesa.	Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Akses terhad di Ladang Ulu Bernam, seperti ketiadaan perkhidmatan feri atau bas serta jalan rosak, berpunca daripada kawalan ketat ladang dan pemilikan tanah persendirian. Agensi mencadangkan kerjasama dengan pihak ladang atau pengambilan tanah oleh kerajaan.
2.	Keadaan jalan yang teruk dan tidak selamat menyukarkan mobiliti dan menjejaskan	Jalan utama yang digunakan untuk keluar masuk kawasan, termasuk ke Sungai Samak dan jambatan ke Selangor, berada dalam keadaan rosak teruk, tidak berturap dan penuh lubang. Semasa musim hujan, permukaan jalan menjadi becak dan menyukarkan laluan motosikal.	<i>Ulasan yang sama diberikan seperti isu pertama.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
	kesihatan penduduk	<p>Semasa musim panas, kawasan ini menjadi berhabuk teruk, terutamanya di jalan batu yang tidak berturap. Keadaan ini menyebabkan penduduk mengalami alahan dan masalah pernafasan. Tiada penyelenggaraan sistematik dijalankan ke atas jalan-jalan ini, yang merupakan punca utama berlakunya masalah habuk.</p> <p>Tiada lampu jalan disediakan, terutamanya di laluan utama yang menghubungkan kawasan ini ke luar. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan keselamatan, khususnya bagi penduduk wanita yang keluar atau pulang lewat malam. Laluan menjadi gelap sepenuhnya dan hanya bergantung kepada pencahayaan daripada kenderaan yang lalu.</p>	
3.	Migrasi belia menjejaskan struktur komuniti tempatan	Ramai golongan muda berhijrah keluar selepas ibu bapa mereka bersara, disebabkan kekurangan pekerjaan formal dan peluang untuk kemajuan di kawasan ini. Ketiadaan tarikan untuk generasi muda kekal tinggal mengakibatkan komuniti kini lebih dipenuhi pekerja asing dari Bangladesh dan India, yang mengisi kekosongan pekerjaan di ladang-ladang setempat.	<p>Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan:</p> <p>Penghijrahan belia di kawasan terpencil berlaku akibat kekurangan peluang pekerjaan profesional.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
		Komuniti tempatan semakin berkurangan dan digantikan dengan pekerja asing. Walaupun tiada konflik besar berlaku, wujud ketidakseimbangan antara penduduk asal dan pekerja asing, terutama dari segi jumlah, identiti dan keterikatan kepada komuniti.	<p>Wakil Ahli Parlimen Teluk Intan:</p> <p>Kekurangan peluang pekerjaan di sektor pertanian dan perikanan menyebabkan penghijrahan belia dan peningkatan kebergantungan kepada pekerja asing di Ladang Ulu Bernam. Agensi mencadangkan pemetaan potensi ekonomi setempat, seperti aktiviti sukan bendang, untuk mewujudkan peluang pekerjaan baharu.</p>
4.	Keterasingan komuniti akibat kawalan ketat pengurusan estet	Komuniti di kawasan estet dikawal dengan ketat, dan pengunjung luar perlu melalui pemeriksaan rapi oleh pihak pengurusan. Walaupun langkah ini meningkatkan tahap keselamatan, ia menyukarkan ahli keluarga atau rakan untuk melawat secara spontan. Keadaan ini mencerminkan tahap keterasingan komuniti dari persekitaran luar.	<i>Ulasan yang sama diberikan seperti isu pertama.</i>
5.	Kurang akses pendidikan dan pengangkutan (Kampung Orang Asli Sungai Erong)	Komuniti Orang Asli di Sungai Erong menghadapi cabaran untuk menghantar anak-anak ke sekolah akibat masalah pengangkutan. Walaupun terdapat perkhidmatan bas, ia terhad dan bergantung kepada lokasi tertentu. Kekangan ini memberi kesan terhadap kesinambungan pendidikan dan peluang pembelajaran anak-anak.	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:</p> <p>Agensi mencadangkan kerjasama dengan pihak ladang atau pengambilan tanah oleh kerajaan. Pembahagian pentadbiran antara PPD Teluk Intan dan Bagan Datuk bagi kawasan seperti Erong dan Ulu Bernam dijalankan untuk mengelakkan keciciran dalam perkhidmatan.</p>

Jadual 9. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 6

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 6: Dialog bersama Nelayan Darat Tarikh: 1 Jun 2025 Lokasi: Jeti nelayan Lorong Masjid, Kg Bahagia Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan: 1 kumpulan / 17 peserta			Agensi yang memberikan maklum balas: 1. Jabatan Perikanan
1.	Permohonan bantuan elaun sara diri tidak diluluskan dan kurang penjelasan	Ramai pemancing dan komuniti yang bergantung kepada sumber air darat telah memohon bantuan perikanan dan lesen, tetapi sehingga kini tiada permohonan yang diluluskan walaupun telah dibuat 3-5 tahun lalu. Mereka tidak menerima sebarang maklum balas rasmi, dan hanya dimaklumkan bahawa permohonan mereka "hilang". Keadaan ini menimbulkan rasa hilang kepercayaan terhadap Jabatan Perikanan dan kerajaan.	Jabatan Perikanan: Di daerah Hilir Perak, terdapat lebih 400 nelayan darat, dengan lebih 200 menerima elaun sara hidup. Permohonan elaun tertakluk kepada syarat ketat, termasuk pengesahan bahawa nelayan menangkap ikan secara sepenuh masa dan berada dalam kategori E-kasih atau asnaf. Penjelasan diberikan kepada pemohon, tetapi ketiadaan organisasi teratur bagi nelayan darat (berbeza dengan nelayan laut yang mempunyai PNK) menyebabkan maklumat sukar sampai kepada semua individu. Jabatan Perikanan tidak dapat menghubungi setiap nelayan secara individu untuk menerangkan sebab penolakan, tetapi penjelasan diberikan semasa sesi pertemuan. Dakwaan "tanpa penjelasan" dianggap tidak tepat dan memerlukan penyampaian yang lebih positif untuk mengelakkan salah faham.

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Pengurusan hal ehwal nelayan yang kurang proaktif	<p>Jabatan Perikanan dilihat kurang proaktif turun ke lapangan, dengan kebanyakan urusan hanya dijalankan di pejabat utama di Ipoh atau cawangan tertentu. Keadaan ini menyukarkan pemohon dari kawasan luar bandar untuk mengakses perkhidmatan.</p> <p>Selain itu, komunikasi yang tidak jelas menyebabkan rakyat berasa terpinggir dan hilang kepercayaan terhadap agensi dalam mendapatkan bantuan.</p>	<i>Ulasan yang sama diberikan seperti isu pertama.</i>
3.	Keperluan keseimbangan dan penambahbaikan habitat sungai terutamanya udang galah	<p>Para nelayan menyuarakan kebimbangan tentang kemerosotan habitat udang galah di kawasan mereka, terutamanya di Gudang Galah. Mereka menyedari bahawa populasi udang galah semakin berkurang sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Antara punca yang dikenal pasti ialah pencemaran dari kilang, perubahan habitat sungai, dan kurangnya program pelepasan benih udang galah. Nelayan juga mencadangkan agar program pemulihan habitat seperti pelepasan benih udang galah diaktifkan semula demi kelestarian sumber dan masa depan generasi akan datang.</p>	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan kerana isu ini tidak dibincangkan dalam sesi dialog antara agensi.</i>

Jadual 10. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 7

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
<p>FGD 7: Dialog bersama penduduk Kg Glouster Tarikh: 1 Jun 2025 Lokasi: Surau Kg Merdeka Glouster Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan: 1 kumpulan / 19 peserta</p>			<p>Agensi yang memberikan maklum balas:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak 2. Lembaga Air Perak (LAP)
1.	Ketidakpastian status tanah dan penolakan TOL	<p>Penduduk di Batu 4, 5, 6 dan 7, Changkat Jong, menetap di tanah rizab sungai tanpa geran, menyebabkan ketidakpastian pemilikan tanah. Permohonan TOL mereka telah ditolak sejak tahun 2018 dengan alasan status tanah tersebut digantung sementara dan dipercayai telah diberikan kepada pihak lain, kemungkinan pemilik estet, seawal tahun 2015 tanpa pemberitahuan yang telus.</p> <p>Selain itu, geran baru yang dikeluarkan tidak selari dengan lokasi penempatan sebenar, menyebabkan pertindihan mukim; sebagai contoh, kampung yang terletak di bawah Sepatang tetapi geran menyatakan Changkat Jering.</p>	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak: Kg. Glouster terletak di tanah rizab kerajaan, yang secara undang-undang tidak boleh diduduki.</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
2.	Kegagalan pelaksanaan projek zon kampung tersusun	<p>Projek Zon Kampung Tersusun, yang dirancang 30 tahun lalu untuk 240 lot tanah lengkap dengan masjid dan sekolah, tidak pernah dilaksanakan. Tanah telah diberikan geran kepada penerima asal, namun ramai daripada mereka telah meninggal dunia, dan 36 lot diambil semula kerana premium tidak dibayar. Penduduk tidak dimaklumkan atau diberi peluang untuk memohon semula, menyebabkan kawasan terbengkalai tanpa infrastruktur asas seperti jalan dan utiliti.</p>	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
3.	Pencemaran Sungai Perak mengganggu pendapatan nelayan dan ekosistem sungai	<p>Kilang-kilang berhampiran, dari Changkat Jong ke kampung, membuang sisa ke Sungai Perak, mengakibatkan kematian ikan dan udang serta kemerosotan sumber pendapatan penduduk. Selain itu, buaya yang mendiami sungai turut hilang akibat pencemaran.</p> <p>Aduan kepada SPRM dan Jabatan Alam Sekitar dilaporkan tidak berkesan, dengan ujian air dijalankan di lokasi yang tidak relevan. Pemulihan sungai mengambil masa sehingga enam bulan, sekaligus menjejaskan pendapatan harian komuniti yang bergantung kepada sumber air tersebut.</p>	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
4.	Banjir yang dijadikan norma, ditambah ketidakpastian pemilikan tanah yang menimbulkan risiko komuniti diusir	<p>Penduduk menganggap banjir sebagai sebahagian daripada kehidupan di kawasan tepi Sungai Perak. Bagaimanapun, aliran air yang tersekat di beberapa kawasan menyebabkan jalan-jalan utama tenggelam selama beberapa hari, menyukarkan pergerakan dan aktiviti harian.</p> <p>Terdapat kebimbangan bahawa banjir kadangkala dijadikan alasan untuk mengusir penduduk bagi tujuan projek pembangunan, menambah tekanan terhadap komuniti walaupun mereka telah membiasakan diri dengan risiko banjir.</p>	<p>Pejabat Daerah dan Tanah Hilir Perak:</p> <p>Banjir di Teluk Intan, termasuk Kg. Glouster, adalah isu utama kerana geografi Hilir Perak yang menerima aliran air dari Hulu Perak. JPS telah melaksanakan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Fasa 1, dengan Fasa 2 dijadualkan bermula hujung 2025, tetapi pelaksanaan berperingkat mengambil masa kerana kos tinggi (minima RM50 juta setiap fasa) dan keperluan giliran dengan daerah lain. Kg. Glouster terletak di tanah rizab kerajaan, yang secara undang-undang tidak boleh diduduki, menyukarkan penyelesaian infrastruktur banjir yang mampan.</p>
5.	Kekurangan infrastruktur asas	Penduduk baru menghadapi kesukaran untuk mendapatkan meter air kerana memerlukan geran atau TOL, menyebabkan wujud ketidaksamarataan akses air berbanding penduduk lama.	<p>Lembaga Air Perak (LAP):</p> <p>Kg. Glouster telah menerima bekalan air atas dasar kemanusiaan, dengan meter diletakkan berhampiran paip utama di jalan raya. Namun, status penempatan tanpa hak milik menyukarkan pemasangan meter secara langsung di rumah penduduk, kerana ini tidak mematuhi Water Services Industry Act yang dikuatkuasakan sejak 2014. Undang-undang mensyaratkan hak milik tanah untuk pemasangan meter air. Penduduk menarik paip sendiri ke penempatan, tetapi ini</p>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			bukan penyelesaian mampan. LAP menegaskan bahawa bekalan air diberikan berdasarkan kemanusiaan, tetapi pematuhan undang-undang menghadkan kelulusan meter air secara formal.
		Jalan masuk ke kawasan Kampung Tersusun hanya separuh siap dan dibina melalui gotong-royong serta sumbangan tidak rasmi, tanpa peruntukan daripada kerajaan.	
		Surau juga tidak menerima bantuan rasmi kerana tanahnya berdaftar atas nama persendirian.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
6.	Kegagalan pelaksanaan janji politik menjejaskan aspirasi komuniti	Janji politik berkaitan pembangunan Kampung Tersusun dan penyediaan infrastruktur hanya muncul semasa pilihan raya, namun tidak ditepati. Penduduk berasa dikhianati kerana kesetiaan mereka sebagai pengundi tidak dihargai.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
		Peluang pendidikan bagi anak-anak cemerlang, contohnya pelajar yang memperoleh 5A dalam UPSR untuk menyertai MRSM, adalah terhad akibat pengaruh kepentingan politik. Pelajar yang kurang cemerlang berkemungkinan diberikan keutamaan sekiranya mempunyai hubungan politik.	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
7.	Ketiadaan ketua kampung rasmi dan kekeliruan pentadbiran	<p>Sebagai contoh, kampung yang berada di bawah Mukim Durian Sebatang tetapi dilabelkan sebagai Changkat Jering. Hal ini menyukarkan proses penyampaian aduan penduduk.</p> <p>Sekarang, ketua UMNO tempatan berperanan sebagai ketua tidak rasmi, namun terikat dengan kepentingan politik, sekali gus menimbulkan ketidakstabilan dalam sokongan kepada komuniti.</p>	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>
8.	Sekatan terhadap usaha pertanian	<p>Penduduk beralih kepada pertanian, termasuk penanaman pisang, ubi dan sawit berskala kecil, akibat kemerosotan sumber sungai. Namun, pokok yang ditanam di tanah rizab kerajaan dicabut oleh Pejabat Daerah, manakala penanaman berskala besar oleh pihak luar dibenarkan. Penduduk menganggap situasi ini mencerminkan ketidakadilan dalam pengurusan tanah.</p>	<i>Tiada maklum balas dari agensi berkaitan.</i>

Jadual 11. Perincian Hasil Dapatan Isu-isu FGD 8

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
FGD 8: Dialog bersama warga pendidik dan pelajar SJK(T) Ulu Bernam 2 Tarikh: 1 Jun 2025 Lokasi: SJK(T) Ulu Bernam 2 Pembahagian kumpulan / jumlah peserta keseluruhan: 1 kumpulan / 10 peserta			Agensi yang memberikan maklum balas: <ol style="list-style-type: none"> LAP PPD Hilir Perak
1.	Masalah bekalan air bersih	Sekolah berdepan masalah bekalan air bersih untuk kegunaan harian. Air yang dibekalkan sering keruh dan tidak selamat diminum. Bagi memastikan kebajikan pelajar terjamin, guru-guru terpaksa membeli air mineral secara sukarela untuk kegunaan minuman di sekolah. Sumber air sekolah ini hanya bergantung kepada sungai berdekatan, yang kualitinya tidak menentu terutama selepas hujan lebat.	LAP: LAP mengesahkan bahawa bekalan air di Ladang Ulu Bernam bergantung kepada loji persendirian, dan tiada pelan segera untuk membekalkan air melalui sistem LAP kerana kekangan kos dan keutamaan kepada menaik taraf sistem sedia ada.
2.	Pemansuhan elaun pedalaman membebaskan guru di kawasan ladang	Elaun guru pedalaman amat diperlukan bagi menampung kos perjalanan harian ke sekolah yang terletak jauh di kawasan ladang. Namun, elaun ini telah dihentikan sejak tahun 2024, sekali gus menambah beban kewangan kepada guru yang perlu berulang-alik setiap hari melalui laluan sukar dan jarak yang jauh.	PPD Hilir Perak: Elaun guru pedalaman tertakluk kepada syarat ketat yang ditetapkan oleh panel Kementerian Pendidikan. Faktor seperti jarak sekolah, bilangan murid, beban tugas, dan kesan emosi guru dipertimbangkan. Dengan hanya 20 murid dan 9 guru di SJK(T) Ulu Bernam 2, beban kerja rendah (memeriksa 2 buku sehari) menyebabkan sekolah ini tidak layak untuk elaun pedalaman. Panel

BIL.	ISU	PENERANGAN	ULASAN AGENSI KERAJAAN
			kementerian membandingkan dengan sekolah di kawasan lebih terpencil (seperti Sabah dan Sarawak) yang mempunyai cabaran lebih besar. Oleh itu, elaun ditarik balik kerana sekolah ini tidak memenuhi kriteria.
3.	Kekurangan kemudahan dan infrastruktur menjejaskan akses pendidikan seimbang	Infrastruktur dan kemudahan di sekolah ini perlu ditambah baik bagi memastikan pelajar menikmati kemudahan setara dengan sekolah lain, khususnya dari segi capaian internet, penyelenggaraan utiliti, dan kemudahan sukan. Keadaan padang sekolah yang tidak sesuai untuk aktiviti fizikal mengehadkan peluang pelajar untuk bersukan dan memaksa mereka berlatih di sekolah lain. Selain itu, jumlah pelajar yang kecil turut menyebabkan peralatan sukan yang disediakan sangat terhad, sekali gus mengehadkan penyertaan dalam aktiviti kokurikulum.	<p>PPD Hilir Perak:</p> <p>SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 di bawah pentadbiran PPD Bagan Datuk, bukan PPD Teluk Intan. Sekolah ini mempunyai hanya 40 murid dengan dewan besar dan kelas kosong. Infrastruktur sekolah tidak berada dalam keadaan reput; sebarang kerosakan dilaporkan kepada PPD dan dibaiki mengikut peruntukan tahunan, seperti pembaikan tandas. Laporan yang menyatakan infrastruktur tidak baik adalah tidak tepat dan boleh menimbulkan salah faham. PPD memantau keperluan sekolah setiap tahun, tetapi bilangan murid yang kecil menyukarkan pelaburan besar untuk kemudahan seperti makmal sains atau padang sukan baharu.</p>

4.2 Pengutamaan Isu

4.2.1 Pengutamaan Isu 1: Kekurangan Infrastruktur Pendidikan

SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 merupakan sebuah sekolah di kawasan pedalaman Teluk Intan yang berdepan dengan kekurangan kemudahan asas pendidikan. Walaupun sekolah ini memainkan peranan penting dalam membentuk masa depan anak-anak komuniti ladang, ia masih bergelut dengan isu seperti ketiadaan sambungan internet yang stabil, bilik STEM yang lengkap, makmal sains yang berfungsi, dan kemudahan sukan yang mencukupi. Kekurangan ini menjejaskan kualiti pembelajaran dan menyukarkan pelajar untuk menyertai aktiviti kokurikulum yang penting bagi pembangunan holistik mereka. Tambahan pula, guru-guru yang berkhidmat di sekolah ini tidak menerima elaun pedalaman, menyebabkan kesukaran untuk mengekalkan tenaga pengajar yang berkualiti dan berpengalaman.

PIBG sekolah terpaksa menanggung sendiri kos penambahbaikan seperti pembelian peralatan STEM, penyelenggaraan bilik sukan dan makmal, serta pemasangan *WiFi*. Ketiadaan sokongan daripada agensi kerajaan menjadikan usaha ini tidak mampan dan membebankan komuniti. Jurang pendidikan antara sekolah pedalaman dan bandar semakin melebar, dan ini menjejaskan peluang pelajar untuk bersaing secara adil dalam bidang akademik dan teknologi.

- **Kekurangan kemudahan asas pendidikan**

Sambungan internet yang lemah menyukarkan pelaksanaan pembelajaran digital, terutamanya dalam era pasca-PKP di mana pembelajaran hibrid menjadi norma. Kekurangan ini bukan sahaja menjejaskan pencapaian akademik pelajar, tetapi juga mengurangkan motivasi dan minat mereka terhadap pembelajaran. Ia turut memberi kesan kepada guru yang terpaksa menyesuaikan kaedah pengajaran tanpa sokongan teknologi yang mencukupi.

SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 berdepan dengan kekangan serius dalam menyediakan ruang latihan sukan yang selamat dan sesuai untuk pelajar. Padang sekolah yang sepatutnya menjadi pusat aktiviti fizikal dan pembangunan kesukanan pelajar kini berada dalam keadaan tidak boleh digunakan kerana saliran yang buruk telah menyebabkan permukaan yang tidak rata dan kerosakan fizikal yang sukar dibaiki. Keadaan ini membataskan pelaksanaan aktiviti sukan seperti bola sepak, olahraga dan latihan jasmani.

Akibat daripada ketiadaan padang yang berfungsi, pelajar terpaksa menggunakan kemudahan padang di sekolah lain yang terletak agak jauh dari kawasan mereka. Ini menimbulkan pelbagai isu logistik seperti keperluan pengangkutan, masa

perjalanan yang panjang, dan risiko keselamatan pelajar semasa bergerak antara sekolah. Guru pula terpaksa menyesuaikan jadual latihan dan aktiviti kokurikulum, yang akhirnya mengurangkan masa pembelajaran dan keberkesanan program sukan. Lebih membimbangkan, pelajar yang berbakat dalam bidang sukan tidak dapat diasah potensinya secara konsisten, menyebabkan peluang mereka untuk menyertai pertandingan atau mewakili sekolah menjadi terhad.

- **Ketiadaan sokongan agensi**

PIBG SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 memainkan peranan aktif dalam usaha menaik taraf kemudahan sekolah, namun mereka berdepan dengan kekangan kewangan yang serius. Tanpa sokongan daripada agensi kerajaan atau pihak berkuasa tempatan, PIBG terpaksa bergantung kepada kutipan komuniti dan sumbangan kecil untuk membiayai pembelian peralatan pembelajaran, penyelenggaraan kemudahan dan latihan guru. Ini bukan sahaja membebankan ibu bapa yang rata-ratanya bekerja di ladang dan berpendapatan rendah, tetapi juga menjadikan usaha penambahbaikan tidak mampan dalam jangka panjang.

Ketiadaan geran khas atau saluran bantuan yang mudah diakses menyebabkan sekolah ini terpinggir daripada arus pembangunan pendidikan nasional. PIBG juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan kelulusan atau sokongan teknikal bagi projek-projek kecil seperti pemasangan *WiFi* atau pembinaan bilik STEM. Keadaan ini menimbulkan rasa kecewa dalam kalangan komuniti, yang merasakan bahawa sekolah mereka tidak diberi perhatian sewajarnya oleh pihak berwajib.

- **Kekurangan insentif untuk guru pedalaman**

Guru-guru di sekolah ini tidak menerima elaun pedalaman yang sepatutnya, walaupun lokasi sekolah jauh dari pusat bandar. Hal ini menyebabkan guru menanggung kos yang tinggi secara individu kerana hanya bergantung kepada gaji tetap. Tambahan pula, keadaan jalan yang tidak berturap masuk ke ladang dan sekolah menyebabkan guru perlu menanggung kos penyelenggaraan kenderaan yang lebih kerap.

Jadual 12. Ringkasan Isu 1

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan kemudahan asas pendidikan 2. Ketiadaan sokongan agensi 3. Kekurangan insentif untuk guru pedalaman
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menaik taraf padang dan kemudahan sukan sekolah 2. Penyediaan sambungan internet stabil 3. Pengaktifan semula elaun pedalaman untuk guru
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2 • Guru SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2
Kawasan	Ladang Ulu Bernam 2, Bagan Datuk (Parlimen Teluk Intan)
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 4 : Pendidikan Berkualiti	<p>Sasaran 4.1: Menjelang 2030, memastikan semua kanak-kanak lelaki dan perempuan menyelesaikan pendidikan rendah dan menengah yang percuma, saksama dan berkualiti.</p> <p>Sasaran 4.a: Membina dan menaik taraf kemudahan pendidikan yang sensitif kepada kanak-kanak, kurang upaya dan jantina, serta menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat, inklusif dan berkesan untuk semua.</p>
SDG 9: Industri, Inovasi dan Infrastruktur	Sasaran 9.1: Membangunkan infrastruktur berkualiti, boleh dipercayai, mampan dan berdaya tahan untuk menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan manusia.

4.2.2 Pengutamaan Isu 2: Ancaman Terhadap Ekopelancongan & Pendapatan Komuniti Sungai

Komuniti di Teluk Intan yang bergantung kepada Sungai Perak sebagai sumber ekonomi dan identiti budaya kini berdepan ancaman besar akibat pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir (RTB). Projek ini telah menjejaskan aktiviti pelancongan komuniti seperti *river cruise* dan *heritage walking tours*. Komuniti tidak diberikan plan alternatif atau pampasan, menyebabkan mereka kehilangan punca pendapatan secara mendadak.

Tambahan pula, pencemaran sungai oleh kilang-kilang berhampiran telah merosakkan ekosistem dan mengurangkan hasil tangkapan ikan.

Ketiadaan jeti yang selamat dan infrastruktur sokongan semasa pelaksanaan RTB menjadikan aktiviti pelancongan sungai berisiko dan tidak mampan. Komuniti yang sebelum ini aktif dalam pelancongan dan aktiviti perikanan kini berdepan dilema untuk mencari sumber pendapatan lain tanpa latihan atau pensijilan yang sesuai.

- **Gangguan akibat projek RTB**

Pelaksanaan RTB telah menyebabkan perubahan fizikal sungai yang menjejaskan operasi pelancongan komuniti. Laluan bot menjadi cetek dan tidak selamat, jeti pelancongan rosak atau tidak boleh digunakan, dan kawasan tebing sungai yang sebelum ini digunakan untuk aktiviti pelancongan kini ditutup atau terganggu. Komuniti tidak dimaklumkan secara menyeluruh mengenai pelan pembangunan ini, dan tiada pelan pampasan atau penempatan semula aktiviti pelancongan disediakan.

- **Pencemaran Sungai**

Pelepasan sisa industri ke Sungai Perak telah menyebabkan air sungai semakin tercemar yang menjejaskan aktiviti pelancongan atau perikanan. Hasil tangkapan ikan semakin berkurang, dan pelancong mula mengelak daripada menyertai aktiviti sungai kerana kebimbangan terhadap keselamatan dan kebersihan. Pencemaran ini bukan sahaja menjejaskan pendapatan nelayan dan pengusaha pelancongan, tetapi juga merosakkan reputasi Teluk Intan sebagai destinasi ekopelancongan.

- **Ketiadaan latihan dan pensijilan pelancongan**

Komuniti yang bergantung kepada pelancongan tidak mempunyai akses kepada latihan formal atau pensijilan seperti lesen bot, kursus pertolongan cemas, atau pemanduan pelancongan. Tanpa kelayakan ini, mereka sukar untuk beroperasi secara sah atau menarik pelancong yang lebih ramai. Tambahan pula, mereka tidak tahu cara untuk memohon bantuan atau menyertai program latihan yang ditawarkan oleh agensi berkaitan.

Jadual 13. Ringkasan Isu 2

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Gangguan akibat projek RTB 2. Pencemaran Sungai 3. Ketiadaan Latihan dan pensijilan pelancongan
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan projek eko-pelancongan dan pendidikan pelancongan 2. Mempromosikan kelestarian alam, warisan budaya, dan pendidikan komuniti setempat
Kumpulan Terjejas	<ul style="list-style-type: none"> • Pengusaha pelancongan Pulau Bangau • Komuniti tempatan – belia / pesara
Kawasan	Sungai Perak, Teluk Intan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.2: Menjelang 2030, mengurangkan sekurang-kurangnya separuh daripada perkadaran lelaki, wanita dan kanak-kanak yang hidup dalam kemiskinan dalam semua dimensinya.
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.3: Menggalakkan dasar yang menyokong aktiviti produktif, penciptaan pekerjaan, keusahawanan, kreativiti dan inovasi.
SDG 11: Bandar dan Komuniti Mampan	Sasaran 11.4: Mengukuhkan usaha untuk melindungi dan memelihara warisan budaya dan semula jadi dunia.
SDG 12: Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab	Sasaran 12.5: Menjelang 2030, mengurangkan penjanaian sisa secara ketara melalui pencegahan, pengurangan, kitar semula dan guna semula.
SDG 15: Hidupan Darat	Sasaran 15.1: Menjelang 2020, memastikan pemuliharaan, pemulihan dan penggunaan mampan ekosistem daratan dan air tawar.

4.2.3 Pengutamaan Isu 3: Kekurangan Peluang Ekonomi Belia & Literasi Digital

Belia dan pemilik perusahaan mikro di Teluk Intan berdepan dengan kekurangan peluang ekonomi dan kemahiran digital yang menyukarkan mereka untuk bersaing dalam ekonomi moden. Ramai belia berhijrah ke bandar kerana tiada pekerjaan yang stabil dan kekurangan akses kepada modal serta latihan keusahawanan. Program bantuan yang pernah dilaksanakan gagal kerana tiada pemantauan dan strategi pemasaran yang berkesan.

Tahap literasi digital yang rendah menjadikan mereka sukar menembusi pasaran dalam talian dan menjana pendapatan melalui platform digital. Tanpa kemahiran dalam pemasaran digital dan penggunaan alat seperti *EasyStore*, *WhatsApp Business* dan *Canva*, potensi mereka untuk berkembang tidak dapat direalisasikan.

- **Kekurangan peluang pekerjaan dan modal**

Belia di Teluk Intan sukar mendapatkan pekerjaan tetap yang menawarkan pendapatan stabil. Kebanyakan mereka hanya mendapat kerja sambilan atau tidak formal yang tidak menjamin keselamatan sosial. Mereka juga tidak mempunyai akses kepada modal permulaan untuk memulakan perniagaan sendiri, menyebabkan potensi keusahawanan tidak dapat dikembangkan. Keadaan ini mendorong penghijrahan belia ke bandar, meninggalkan komuniti yang semakin tua dan kurang produktif.

- **Kegagalan program bantuan keusahawanan**

Program bantuan seperti pertanian komuniti dan latihan keusahawanan yang pernah dilaksanakan gagal memberi impak kerana tiada pemantauan berterusan, tiada strategi pemasaran dan kurang sokongan teknikal. Peserta tidak tahu cara mengurus operasi perniagaan, menjual produk atau mengembangkan pasaran. Tanpa bimbingan dan pemantauan, program ini menjadi usaha jangka pendek yang tidak berkesinambungan.

- **Tahap literasi digital yang rendah dan kurang akses teknologi**

Belia dan usahawan mikro kurang mahir menggunakan teknologi digital untuk memasarkan produk dan mengurus perniagaan. Mereka tidak tahu cara menggunakan platform e-dagang, media sosial atau alat reka bentuk seperti *Canva* dan *AI tools*. Tambahan pula, mereka tidak mempunyai akses kepada peranti seperti komputer riba atau telefon pintar yang sesuai untuk menjalankan perniagaan digital. Kekurangan ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam ekonomi digital dan bergantung kepada cara tradisional yang kurang berkesan.

Jadual 14. Ringkasan Isu 3

Permasalahan berkaitan dengan Isu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kekurangan peluang pekerjaan dan modal 2. Kegagalan program bantuan keusahawanan 3. Tahap literasi digital yang rendah dan kurang akses teknologi
Cadangan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Latihan pemasaran digital dan keusahawanan 2. Geran mikro dan sokongan permulaan perniagaan 3. Pusat sokongan digital komuniti yang menyediakan latihan dan mentor
Kumpulan Terjejas	Belia
Kawasan	Parlimen Teluk Intan
SDG BERKAITAN DENGAN ISU UTAMA	
SDG yang berkaitan	Sasaran SDG Berkaitan
SDG 1: Tiada Kemiskinan	Sasaran 1.4: Menjelang 2030, memastikan semua orang, terutamanya golongan miskin dan terpinggir, mempunyai akses kepada sumber ekonomi, perkhidmatan asas dan teknologi.
SDG 4: Pendidikan Berkualiti	Sasaran 4.4: Menjelang 2030, meningkatkan bilangan belia dan orang dewasa yang mempunyai kemahiran teknikal dan vokasional untuk pekerjaan, keusahawanan dan inovasi.
SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi	Sasaran 8.6: Menjelang 2020, mengurangkan secara ketara bilangan belia yang tidak bekerja, tidak dalam pendidikan atau latihan.
SDG 10: Mengurangkan Ketidaksamaan	Sasaran 10.2: Menjelang 2030, memperkasakan dan menggalakkan penyertaan sosial, ekonomi dan politik semua orang tanpa mengira umur, jantina, ketidakupayaan, bangsa, etnik, asal usul, agama atau status ekonomi.

5.0 PENGENALPASTIAN AWAL PROJEK PENYELESAIAN

Jadual 15. Pengenalpastian Projek Penyelesaian

	PROJEK 1	PROJEK 2	PROJEK 3
Tajuk Projek	Projek Transformasi Sekolah Bersepadu	Entrepreneurship in Digital Marketing	From River to Revenue: Community Led Tourism
SDG Berkaitan	SDG 4, 3, 9	SDG 1, 4, 8	SDG 1, 4, 5, 8, 11, 12, 14, 15
Objektif	Menaik taraf kemudahan sekolah (WiFi, bilik STEM, makmal sains, bilik sukan) untuk meningkatkan kualiti pembelajaran dan kokurikulum, serta memupuk minat pelajar dalam bidang STEM dan sukan	Membekalkan kemahiran pemasaran digital & keusahawanan kepada belia dan pemilik perusahaan mikro supaya dapat meningkatkan jualan & menjana pendapatan melalui platform digital	Memberi latihan & pensijilan (lesen bot, pertolongan cemas, Mesra Malaysia, pemanduan pelancongan) kepada komuniti setempat untuk meningkatkan keupayaan ekopelancongan & warisan budaya di Teluk Intan
Hasil Jangkaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Bilik STEM lengkap dengan <i>drone</i> & <i>coding</i> set 2. Sambungan internet stabil 3. Makmal sains & bilik sukan berfungsi optimum 4. Peningkatan pencapaian akademik & kokurikulum pelajar 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 10 peserta mahir pemasaran digital 2. Penubuhan kedai online (EasyStore, WhatsApp Business, FB/IG) 3. Peningkatan jualan & capaian pasaran 	<ol style="list-style-type: none"> 1. 10 peserta mendapat lesen bot & sijil lain 2. Lahirnya pemandu pelancong komuniti 3. Pelancongan komuniti Teluk Intan berkembang 4. Menjana pendapatan melalui <i>walking tours</i> & <i>eco-tourism</i>
Organisasi	PIBG SJK(T) Ladang Ulu Bernam 2	My Training Resources	Firefly Marvels Enterprise
Aktiviti	Pemasangan <i>WiFi</i> , penyediaan bilik STEM, pembelian <i>drone</i> &	Modul keusahawanan digital, promosi produk di media sosial,	Latihan lesen bot (teori, praktikal, ujian), kursus pertolongan cemas,

	<i>coding</i> set, latihan guru, penyelenggaraan makmal & bilik sukan, aktiviti kokurikulum STEM & sukan	lawatan industri, <i>coaching</i> & <i>mentoring</i> , penggunaan <i>AI tools</i> & <i>Canva</i>	kursus Mesra Malaysia, latihan pemanduan pelancongan sungai & <i>heritage walking tour</i>
Jumlah (RM)	40,000	40,000	40,000
Lokasi	Ladang Ulu Bernam, Ulu Bernam, Hilir Perak, Teluk Intan, Perak	Teluk Intan (Pasir Bedamar & Changkat Jong, Hilir Perak)	Teluk Intan, Perak (DUN Rungkup, Hilir Perak)
Tempoh	3 bulan	3 bulan	1 bulan

6.0 RUJUKAN

Jabatan Perangkaan Malaysia. "P.076 Teluk Intan Kawasanku | OpenDOSM."

Kawasanku. OpenDOSM, 2020.

<https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Perak/parlimen/P.076%20Teluk%20Intan>

Majlis Perbandaran Teluk Intan. *Draf Rancangan Tempatan Daerah Hilir Perak 2035*

(*Penggantian*). Edited by PLANMalaysia and PLANMalaysia Perak. Vol. 1.

PLANMalaysia, 2021.

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia. "MySPRSemak." mysprsemak.spr.gov.my. Accessed

September 2025. <https://mysprsemak.spr.gov.my/semakan/keputusan/pru>



APPGM-SDG

MENINGKATKAN KETERANGKUMAN DAN KEMAMAPAN



Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

📍 A-1-10, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1,
Seksyen 8, Petaling Jaya, 46050, Selangor

✉️ secretariat@appgm-sdg.com

📘 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

🌐 <https://appgm-sdg.com/>